
LAPORAN TAHUNAN

YAYASAN SELANGOR

55
1970 - 2025

2025

**PENDIDIKAN UNGGUL :
MENGUPAYA INSAN.
MEREALISASI WAWASAN**



Maklumat

UMUM

MAKLUMAT SYARIKAT

AKTA SYARIKAT

Yayasan Selangor telah diperbadanankan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan (Company Limited By Guarantee) pada 5 November 1970.

JURUAUDIT

Z. AMIN CHARTERED ACCOUNTANTS
No. 06-15
Kenwington Square Garden
Persiaran Bestari, Cyber 9
63000 Cyberjaya

BANK BERDAFTAR

CIMB Bank Berhad
Malayan Banking Berhad
Ambank Berhad

PEJABAT BERDAFTAR

YAYASAN SELANGOR
Tingkat 18, Menara Yayasan Selangor
No. 18A, Jalan Persiaran Barat
46000 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

HUBUNGI KAMI:

Tel: +603 7669 1100
Faks: +603 7954 1790
E-mel: info@yselangor.com
Portal: www.yayasanselangor.org.my

Like, Share, Subscribe & Follow Media Sosial Yayasan Selangor
https://linktr.ee/yayasanselangor

Yayasan Selangor | Yayasanselangorofficial | yselangorportal | YS TikTok

Amanat Pengerusi

DATO' MENTERI BESAR SELANGOR MERANGKAP PENGERUSI YAYASAN SELANGOR



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas segala limpah kurnia dan rahmat-Nya yang mengurniakan kepada kita sebuah negeri yang bertuah, Negeri Selangor Darul Ehsan, yang terus kekal aman, makmur dan berkebajikan. Nikmat keamanan, kestabilan serta kemakmuran yang kita kecapi hari ini adalah hasil daripada usaha berterusan pelbagai pihak berganding bahu membangunkan negeri ini demi kesejahteraan rakyat.

Sejak sekian lama, Selangor dikenali sebagai antara peneraju utama pembangunan pendidikan di Malaysia. Kemajuan pesat negeri ini bukan sahaja diukur melalui kekuatan ekonomi dan pembangunan fizikal, tetapi juga melalui komitmen berterusan dalam membangunkan modal insan yang berkualiti, berilmu dan berdaya saing.

Dalam konteks ini, Yayasan Selangor memainkan peranan penting sebagai antara institusi pendidikan negeri yang paling signifikan dalam sejarah pembangunan pendidikan Selangor. Sejak penubuhannya, ribuan anak Selangor menerima manfaat melalui pelbagai inisiatif pendidikan meliputi program asrama, biasiswa, pinjaman pelajaran serta program kecemerlangan akademik. Program-program seperti Rancangan Khas Pendidikan, penajaan pelajar cemerlang serta pembangunan bakat dan sahsiah membuka peluang luas kepada generasi muda untuk mencapai potensi terbaik mereka.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut memperkukuh ekosistem pendidikan melalui pelbagai program sokongan akademik, termasuk penganjuran seminar kecemerlangan peperiksaan yang melibatkan ribuan pelajar bagi meningkatkan prestasi dalam peperiksaan utama negara. Usaha ini bukan sahaja membantu pelajar mencapai keputusan lebih baik, malah membina generasi anak Selangor yang berilmu, berkeyakinan serta bersedia menghadapi cabaran masa hadapan. Pada masa sama, komitmen untuk memastikan akses pendidikan yang inklusif terus diperkukuh melalui pelbagai bantuan kewangan dan penajaan kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah, termasuk peluang melanjutkan pengajian di institusi pendidikan berprestij.

Kerajaan Negeri juga memperkukuh pendidikan tinggi melalui institusi miliknya seperti Universiti Selangor dan Universiti Islam Antarabangsa Selangor yang menyediakan peluang pendidikan berkualiti dalam pelbagai bidang profesional, teknikal serta pengajian Islam. Kedua-dua institusi ini memainkan peranan penting dalam melahirkan graduan kompeten dan memenuhi keperluan pembangunan negeri serta industri negara.

Di peringkat sekolah pula, pelbagai program sokongan akademik terus dilaksanakan, termasuk Program Tuisyen Rakyat Selangor yang memberikan bimbingan

tambahan kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah agar mereka mampu meningkatkan prestasi dalam peperiksaan utama.

Selain itu, bantuan kewangan pendidikan seperti Hadiah Pengajian IPT Selangor turut diperkenalkan bagi meringankan beban keluarga serta menggalakkan lebih ramai anak Selangor melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi.

Keseluruhannya, gabungan pelbagai inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri untuk menjadikan Selangor bukan sahaja sebagai negeri maju dari segi ekonomi, tetapi juga sebagai negeri yang unggul dalam pembangunan pendidikan dan modal insan, demi melahirkan generasi anak Selangor berilmu, berdaya saing dan mampu memimpin masa depan negara.

Komitmen ini turut diterjemahkan melalui pembentangan Belanjawan Selangor 2025 yang meletakkan pendidikan sebagai antara keutamaan strategik dalam agenda pembangunan negeri. Melalui belanjawan tersebut, sektor pendidikan menerima peruntukan keseluruhan sebanyak RM79.95 juta bagi memperkukuh pembangunan modal insan serta menyokong kemajuan institusi dan ekosistem pendidikan di negeri ini.

Peruntukan ini merangkumi pelbagai inisiatif yang memberi manfaat kepada pelajar, institusi pendidikan serta komuniti sekolah, termasuk bantuan pendidikan, pembangunan prasarana sekolah, program peningkatan kecemerlangan akademik serta pengukuhan institusi pendidikan negeri seperti Yayasan Selangor. Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memastikan akses pendidikan yang lebih luas, berkualiti dan inklusif kepada rakyat Selangor.

Pendekatan ini juga selari dengan aspirasi jangka panjang untuk memperkukuh kedudukan Selangor sebagai hab pendidikan nasional, dengan memastikan pelaburan berterusan dalam pembangunan bakat, pengetahuan dan kemahiran generasi muda yang bakal memacu kemajuan negeri dan negara pada masa hadapan.

Warisan Keprihatinan dan Kecemerlangan

Sempena sambutan ulang tahun ke-55 penubuhan Yayasan Selangor pada 5 November 2025, kita menelusuri kembali perjalanan panjang sebuah institusi yang telah menjadi tonggak penting dalam pembangunan pendidikan negeri Selangor. Sejak penubuhannya lebih lima dekad lalu, Yayasan Selangor berkembang daripada sebuah inisiatif pendidikan negeri kepada sebuah institusi pemangkin mobiliti sosial yang memberi impak besar kepada pembangunan modal insan.

Sepanjang tempoh ini, Yayasan Selangor telah berdiri teguh sebagai institusi yang menjunjung amanah rakyat membuka ruang peluang pendidikan, memperkasa potensi anak bangsa, serta membina masa depan generasi Selangor tanpa mengira latar belakang sosioekonomi. Legasi ini terbina atas keyakinan bahawa pendidikan adalah hak asas setiap anak dan merupakan kunci utama kepada perubahan kehidupan lebih baik.
Sejak penubuhannya, Yayasan Selangor memberi manfaat kepada puluhan ribu pelajar melalui pelbagai program pendidikan termasuk bantuan kewangan, kemudahan asrama, biasiswa, pinjaman pelajaran serta program pembangunan akademik dan sahsiah. Program-program seperti Rancangan Khas Pendidikan, penajaan pelajar cemerlang serta program intervensi akademik menjadi platform penting dalam melahirkan generasi pelajar yang lebih berdaya saing.

Lebih daripada sekadar bantuan pendidikan, Yayasan Selangor turut berperanan membentuk karakter dan jati diri pelajar melalui pendekatan pembangunan holistik yang menekankan keseimbangan antara kecemerlangan akademik, sahsiah dan nilai kepimpinan. Hasilnya, ramai alumni Yayasan Selangor kini telah berjaya dalam pelbagai bidang profesional, sektor awam dan swasta, serta menyumbang kembali kepada pembangunan negara.

Kepercayaan bahawa setiap anak berhak diberikan peluang yang adil untuk berjaya menjadi asas kepada setiap dasar dan pelaksanaan program Yayasan Selangor. Prinsip ini terus menjadi teras utama dalam memastikan akses pendidikan yang inklusif, khususnya kepada golongan B40 dan keluarga berpendapatan rendah.

Pendekatan ini memperlihatkan komitmen berterusan Yayasan Selangor dalam memastikan pendidikan tidak menjadi hak eksklusif, tetapi sebagai hak bersama yang membuka laluan kepada mobiliti sosial dan kesejahteraan generasi masa hadapan.

Moto Yayasan Selangor, "Pendidikan Unggul: Mengupaya Insan, Merealisasi Wawasan", bukan sekadar slogan, tetapi merupakan manifestasi komitmen jangka panjang organisasi ini dalam membina generasi berilmu, berkemahiran dan berakhlak.

Ia mencerminkan aspirasi untuk melahirkan insan yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, tetapi juga memiliki nilai integriti, daya saing dan keupayaan untuk memimpin masa depan negeri dan negara.

Pendidikan Berwawasan: Teras Pembinaan Masa Hadapan

Kerajaan Negeri Selangor meletakkan pendidikan sebagai tonggak utama pembangunan negeri serta asas kepada pembinaan masyarakat progresif. Keyakinan ini berteraskan kefahaman bahawa pendidikan merupakan kunci kepada mobiliti sosial, kestabilan ekonomi dan kemakmuran jangka panjang yang mampan.

Melalui pelbagai inisiatif strategik serta dasar yang inklusif, Selangor terus diperkasakan sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau, dengan sokongan institusi pendidikan negeri seperti Universiti Selangor dan Universiti Islam Antarabangsa Selangor yang memainkan peranan penting dalam melahirkan graduan yang berilmu, berkemahiran dan berdaya saing.

Fokus utama agenda pendidikan negeri adalah memastikan golongan berpendapatan rendah, khususnya keluarga B40, tidak tercicir daripada arus pendidikan berkualiti. Dalam hal ini, pelbagai bantuan dan sokongan disalurkan melalui program seperti Program BUDI yang memberi peluang kepada pelajar cemerlang daripada keluarga kurang berkemampuan untuk meneruskan pengajian serta mengembangkan potensi mereka secara optimum.

Pada tahun 2025 sahaja, Yayasan Selangor menyalurkan lebih RM2 juta kepada kira-kira 4,000 pelajar, sebagai satu bentuk pelaburan strategik negeri dalam membina modal insan yang bakal menjadi peneraju masa depan Selangor dan negara.

Selaras dengan pendekatan pembangunan yang holistik, Kerajaan Negeri percaya bahawa pembangunan insan tidak hanya tertumpu kepada pencapaian akademik semata-mata, tetapi turut merangkumi pembentukan sahsiah, nilai dan jati diri yang kukuh. Justeru, Yayasan Selangor sentiasa menekankan keseimbangan antara kecemerlangan ilmu, disiplin diri dan kekuatan rohani dalam setiap program yang dilaksanakan.

Kemudahan asrama Yayasan Selangor di Klang dan Sabak Bernam bukan sekadar berfungsi sebagai tempat penginapan pelajar, tetapi turut menjadi wadah pembentukan karakter dan pembangunan sahsiah secara holistik. Pelbagai program pembangunan diri seperti Khatam al-Quran, Iftar Madani, Solat Hajat dan Majlis Restu Ilmu dilaksanakan bagi menyemai nilai kesyukuran, disiplin, tanggungjawab serta ukhuwah dalam kalangan pelajar.

Melalui pendekatan ini, pelajar bukan sahaja dipersiapkan dari sudut akademik, malah turut dibentuk dengan kekuatan dalaman, jati diri dan ketahanan emosi bagi menghadapi cabaran kehidupan serta persaingan masa hadapan dengan lebih yakin dan berdaya tahan.

PERANCANGAN STRATEGIK: MEMPERKUKUH KELESTARIAN YAYASAN SELANGOR

BAGI MEMASTIKAN KESINAMBUNGAN MISI YAYASAN SELANGOR DALAM JANGKA PANJANG, TAHUN 2025 MENYAKSIKAN SATU ANJAKAN STRATEGIK YANG PENTING KE ARAH PEMERKASAAN KEWANGAN SERTA PENGURUSAN ASET SECARA LEBIH MAMPAN DAN

BERDAYA SAING. PENDEKATAN INI MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA USAHA TRANSFORMASI ORGANISASI BAGI MEMASTIKAN YAYASAN SELANGOR KEKAL RELEVAN, LESTARI DAN MAMPU TERUS MELAKSANAKAN AGENDA PENDIDIKAN NEGERI SECARA BERTERUSAN.

Fokus utama pendekatan ini adalah kepada pelaksanaan Inisiatif Pemerkasaan Aset (Asset Enhancement Initiatives – AEI) yang bertujuan menjana sumber pendapatan mampan bagi menyokong keperluan pembiayaan program pendidikan pada masa hadapan. Strategi ini penting bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber dana tradisional, di samping memperkukuh daya tahan kewangan organisasi.

Antara projek utama di bawah inisiatif ini ialah pembangunan semula bangunan 12 tingkat yang terletak di persimpangan Jalan Bukit Bintang dan Jalan Sultan Ismail kepada Sinma Redland Mall, yang mula beroperasi pada Disember 2025. Projek strategik ini bukan sahaja akan meningkatkan nilai aset Yayasan Selangor, malah dijangka menjadi sumber pendapatan jangka panjang yang stabil bagi menyokong agenda pendidikan negeri secara berterusan.

Di peringkat yang lebih luas, Yayasan Selangor turut memainkan peranan dalam pembangunan strategik di Pulau Carey melalui penglibatan dalam projek Edu-Tek Park serta Hab Sekuriti Makanan, bersama rakan strategik. Kerjasama ini mencerminkan pendekatan kolaboratif antara sektor awam dan swasta dalam memperkukuh pembangunan negeri secara menyeluruh.

Inisiatif di Pulau Carey ini bukan sahaja menyokong agenda keselamatan makanan negara, malah turut membuka ruang kepada pembangunan ekosistem pendidikan, latihan teknikal dan peluang pekerjaan berimpak tinggi kepada generasi muda. Ia selari dengan aspirasi Yayasan Selangor untuk melahirkan modal insan yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga bersedia memenuhi keperluan industri masa hadapan.

Memperkasa Potensi Melalui Pendidikan dan Keprihatinan

Pada terasnya, Yayasan Selangor berpegang kepada keyakinan bahawa setiap anak mempunyai potensi unik yang perlu dibimbing, diasah dan diperkasakan dengan penuh kepercayaan, komitmen serta kasih sayang. Berasaskan falsafah ini, Yayasan Selangor terus melaksanakan pelbagai program pendidikan yang bersifat inklusif dan berimpak tinggi bagi memastikan tiada bakat tercicir daripada arus pembangunan negeri.

Melalui Program Rancangan Khas Pendidikan Yayasan Selangor (RKPYS), seramai 298 pelajar Tingkatan 1 telah ditempatkan di 27 buah sekolah terpilih bagi sesi 2025/2026. Pemilihan ini dibuat daripada ribuan permohonan seluruh negeri, mencerminkan proses saringan yang kompetitif dan berasaskan merit serta potensi. Pelajar yang terpilih diberikan peluang untuk berkembang dalam ekosistem pendidikan yang lebih kondusif, sistematik dan berkualiti tinggi, dengan sokongan berterusan dari segi akademik dan pembangunan sahsiah.

Selain itu, Program Bitara terus membuktikan keberkesanannya dalam melahirkan pelajar cemerlang apabila tiga orang pelajar telah menerima tajaan penuh untuk melanjutkan pengajian ke Kolej Yayasan Saad, Melaka, salah satu institusi pendidikan berprestij di negara ini. Kejayaan ini menjadi bukti jelas bahawa dengan intervensi pendidikan yang tepat, pelajar daripada latar belakang sederhana mampu mencapai kecemerlangan dan bersaing di peringkat tertinggi.

Selaras dengan prinsip keprihatinan sosial, Yayasan Selangor turut memainkan peranan aktif dalam membantu masyarakat ketika berdepan situasi mencabar. Ketika berlakunya tragedi kebakaran saluran gas di Putra Heights, bantuan segera telah disalurkan kepada pelajar dan keluarga yang terjejas melalui sumbangan tunai, baucar buku, peralatan pembelajaran serta bantuan tanggungjawab sosial korporat. Tindakan pantas ini mencerminkan komitmen Yayasan Selangor untuk sentiasa hadir bersama rakyat bukan sahaja dalam detik kejayaan, tetapi juga dalam saat kesusahan dan keperluan.

Secara keseluruhannya, inisiatif-inisiatif ini menzahirkan pendekatan Yayasan Selangor yang bukan sekadar memberi bantuan pendidikan, tetapi juga membina ekosistem sokongan menyeluruh yang berteraskan keprihatinan, peluang saksama dan pembangunan potensi insan secara holistik.

Membina Tenaga Mahir dan Profesional Masa Hadapan

Menyedari perubahan pesat dalam landskap pekerjaan global yang semakin dipacu oleh teknologi, digitalisasi dan keperluan industri bernilai tinggi, Yayasan Selangor terus memperluaskan peranannya dalam bidang pendidikan profesional, teknikal dan pembangunan kemahiran masa hadapan.

Pendekatan ini merupakan sebahagian daripada usaha strategik Yayasan Selangor untuk memastikan pembangunan modal insan negeri Selangor tidak hanya tertumpu kepada pendidikan akademik semata-mata, tetapi turut merangkumi pembinaan laluan kerjaya profesional yang lebih luas, kompetitif dan relevan dengan keperluan pasaran kerja semasa dan akan datang.

Dalam usaha ini, kerjasama strategik dengan INTEC Education College telah membuka peluang kepada pelajar untuk mengikuti program profesional seperti ACCA dan ICAEW, yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Inisiatif ini adalah selaras dengan keperluan pembangunan tenaga kerja berkemahiran tinggi di bawah kerangka pembangunan negara termasuk aspirasi Rancangan Malaysia Ke-13, khususnya dalam memperkukuh sektor kewangan, perakaunan dan tadbir urus profesional.

Pada masa sama, Yayasan Selangor turut memperkukuh peranan dalam bidang latihan kemahiran teknikal melalui kerjasama dengan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) sebagai usaha memperkukuh kebolehpasaran tenaga kerja serta meningkatkan mobiliti ekonomi kumpulan sasar.

Inisiatif ini bukan sahaja membuka peluang pekerjaan yang lebih luas, malah turut menyumbang kepada pembinaan keyakinan diri, kestabilan ekonomi dan masa depan yang lebih terjamin kepada golongan penerima manfaat. Ia mencerminkan pendekatan Yayasan Selangor yang bersifat inklusif, progresif dan berorientasikan impak sosial jangka panjang.

Selain itu, penglibatan Yayasan Selangor dalam program Skills2Sector anjuran HRD Corp memperkukuh lagi usaha penyelarasan antara latihan kemahiran dan keperluan industri semasa. Penyertaan ini memastikan setiap inisiatif yang dilaksanakan adalah relevan dengan kehendak pasaran kerja, sekali gus meningkatkan kebolehpasaran graduan dan pelatih.

Secara keseluruhannya, pendekatan ini memperkukuh aspirasi Selangor untuk terus muncul sebagai hab pembangunan modal insan negara, dengan ekosistem pendidikan dan latihan yang dinamik, responsif serta selari dengan keperluan ekonomi masa hadapan.

Penutup

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga Yayasan Selangor, rakan strategik, warga pendidik serta semua pihak yang terus menyokong agenda pendidikan negeri. Kepada pelajar, manfaatkan setiap peluang yang disediakan dengan penuh kesungguhan. Kepada seluruh warga kerja Yayasan Selangor, teruskan khidmat bakti dengan penuh integriti dan keikhlasan. Bersama-sama, kita akan terus membina masa depan Selangor yang lebih gemilang melalui pendidikan yang berkualiti, inklusif dan berteraskan nilai kemanusiaan.

Wabillāhi Taufīq wal-Hidāyah,
Wassalāmu'alaikum Warahmatullāhi Wabarakātuh.

YAB Dato' Seri Amirudin Shari
Dato' Menteri Besar Selangor
Pengerusi Yayasan Selangor

Perutusan

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF YAYASAN SELANGOR



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Yayasan Selangor terus melangkah maju dalam memperkukuh peranan sebagai institusi pemerkasaan pendidikan dan kebajikan rakyat Selangor. Tahun 2025 merupakan tahun yang amat bermakna buat Yayasan Selangor apabila genap 55 tahun penubuhannya, sekali gus menjadi titik penting dalam memperkukuh hala tuju masa depan organisasi ini.

Saya amat berbesar hati diberikan amanah sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor bermula 3 Mac 2025. Berbekalkan pengalaman dalam sektor korporat dan hartanah, saya komited untuk memperkukuh Yayasan Selangor sebagai sebuah entiti mampan, berdaya saing serta berkeupayaan menjana sumber sendiri demi kelangsungan agenda pendidikan anak-anak Selangor. Segala usaha yang dilaksanakan pada tahun ini berpaksikan moto Yayasan Selangor, iaitu "Pendidikan Unggul: Mengupaya Insan, Merealisasi Wawasan."

Pemerkasaan Pendidikan dan Modal Insan

Sepanjang tahun 2025, Yayasan Selangor telah memperkukuh peranannya sebagai pemangkin kepada mobiliti sosial dan pendidikan, khususnya dalam kalangan komuniti B40. Kami percaya bahawa akses kepada pendidikan berkualiti tidak seharusnya ditentukan oleh latar belakang sosioekonomi, sebaliknya harus menjadi hak yang dapat dicapai oleh setiap anak Selangor yang berpotensi. Atas prinsip inilah, Yayasan Selangor telah menyalurkan bantuan biasiswa berjumlah lebih RM2 juta kepada seramai 4,000 orang pelajar. Inisiatif ini bukan sekadar berbentuk sokongan kewangan, tetapi satu manifestasi komitmen berterusan kerajaan negeri dalam memastikan kelangsungan pendidikan anak-anak yang memerlukan. Majlis penyampaian yang berlangsung di Asrama Yayasan Selangor Klang menjadi simbol kepada iltizam ini — bahawa pendidikan kekal sebagai teras pembangunan negeri.

Dalam usaha memperkukuh rantaian pembangunan modal insan sejak peringkat awal, Rancangan Khas Pendidikan Yayasan Selangor (RKPYS) terus menjadi tonggak utama strategi pendidikan Yayasan Selangor. Pada tahun ini, seramai 298 orang pelajar Tingkatan 1 telah dipilih daripada lebih 3,000 permohonan untuk mengikuti pengajian di sekolah-sekolah terpilih di Selangor dan Kuala Lumpur. Mereka hadir daripada keluarga berpendapatan rendah, namun memiliki potensi intelektual dan disiplin diri yang tinggi. Penempatan mereka di institusi berprestij seperti Victoria Institution dan

Sekolah Menengah Kebangsaan Aminuddin Baki bukan sahaja membuka ruang kepada kecemerlangan akademik, malah membentuk keyakinan diri serta jati diri sebagai pemimpin masa hadapan. Usaha ini secara langsung menyumbang kepada pembinaan ekosistem pendidikan yang lebih inklusif dan saksama.

MELALUI KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR, SEMINAR SKOR A+ SPM 2025 TELAH DIANJURKAN DAN MEMBERI MANFAAT KEPADA LEBIH 2,000 ORANG PELAJAR. PROGRAM INI DIRANGKA SECARA HOLISTIK BAGI MENINGKATKAN KEUPAYAAN AKADEMIK, STRATEGI PEMBELAJARAN SERTA KEYAKINAN DIRI PELAJAR DALAM MENGHADAPI PEPERIKSAAN AWAM.

Menyedari bahawa kecemerlangan akademik memerlukan sokongan yang menyeluruh, Yayasan Selangor turut memperkukuh pelbagai inisiatif intervensi pendidikan sepanjang tahun. Melalui kerjasama strategik bersama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Seminar Skor A+ SPM 2025 telah dianjurkan dan memberi manfaat kepada lebih 2,000 orang pelajar. Program ini dirangka secara holistik bagi meningkatkan keupayaan akademik, strategi pembelajaran serta keyakinan diri pelajar dalam menghadapi peperiksaan awam. Bagi pelajar peringkat prauniversiti pula, bengkel intervensi STPM telah melibatkan hampir 500 orang pelajar dari 64 buah sekolah, dengan tumpuan kepada penguasaan kandungan, kemahiran menjawab soalan dan persediaan mental bagi melangkah ke alam pengajian tinggi.

Dalam masa yang sama, Yayasan Selangor turut menitikberatkan pembangunan sahsiah dan keseimbangan emosi pelajar. Program kerohanian seperti Restu Ilmu dan Solat Hajat yang dianjurkan kepada calon-calon SPM di Asrama Yayasan Selangor bukan sekadar bersifat simbolik, malah berfungsi sebagai medium pembentukan kekuatan dalaman, ketenangan jiwa dan nilai kebergantungan kepada Tuhan dalam menghadapi cabaran akademik. Pendekatan ini selaras dengan aspirasi Yayasan Selangor untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, emosi dan rohani.

Usaha pemerkasaan bakat turut diterjemahkan melalui pelaksanaan Program Bitara yang memberi tumpuan kepada pelajar berpotensi tinggi. Pada tahun ini, tiga orang pelajar cemerlang telah ditawarkan penajaan penuh ke Kolej Yayasan Saad, Melaka, meliputi keseluruhan yuran pengajian, penginapan dan perbelanjaan harian. Kejayaan ini bukan sahaja membuktikan keberkesanan pendekatan pemilihan dan bimbingan Yayasan Selangor, malah mengukuhkan keyakinan bahawa pelaburan dalam pendidikan berkualiti mampu melahirkan generasi pemimpin masa hadapan. Pencapaian cemerlang alumni terdahulu yang berjaya memperoleh keputusan akademik luar biasa turut menjadi bukti nyata bahawa usaha ini berada di landasan yang tepat.

Keseluruhannya, segala inisiatif yang dilaksanakan sepanjang tahun ini berpaksikan kepada satu matlamat utama, iaitu membangunkan modal insan yang berdaya saing, berilmu dan berakhlak tinggi. Moto Yayasan Selangor, “Pendidikan Unggul: Mengupaya Insan, Merealisasi Wawasan”, terus menjadi panduan dalam setiap perancangan dan pelaksanaan program. Setiap pelaburan dalam pendidikan bukan sahaja memberi pulangan kepada individu, malah menyumbang kepada kemajuan negeri dan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.

Jalinan Strategik dan Pembangunan Profesional

Dalam usaha merealisasikan visi Yayasan Selangor, “Pendidikan Unggul: Mengupaya Insan, Merealisasi Wawasan”, kami sedar bahawa landskap pekerjaan global berkembang pada kadar yang begitu pesat. Bagi memastikan relevansi dan daya saing anak-anak Selangor, Yayasan Selangor telah memperluaskan skop penajaan pendidikan daripada program akademik tradisional ke bidang profesional dan teknikal yang lebih khusus. Matlamat kami adalah untuk memastikan setiap anak Selangor, sama ada berbakat dalam bidang akademik atau teknikal, mempunyai laluan yang jelas, mampan, dan berdaya maju ke arah kerjaya bernilai tinggi.

Salah satu pencapaian penting pada tahun 2025 ialah kerjasama strategik dengan INTEC Education College bagi melaksanakan program perakaunan bertaraf antarabangsa, khususnya ACCA dan ICAEW. Inisiatif ini menjadi jambatan penting bagi para belia, memberi peluang kepada pelajar daripada pelbagai latar belakang, termasuk pemegang SPM, STPM, Diploma dan Ijazah, untuk menembusi profesion berkelas dunia yang berprestij. Program ini bukan sahaja berfokus kepada pembangunan kemahiran teknikal semata-mata, malah selaras dengan aspirasi Pelan Malaysia Ke-13 (RMK-13) 2026-2030 untuk melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi. Dengan menanamkan asas integriti serta kemahiran profesional, kita memperkukuh daya saing tenaga kerja Selangor di peringkat global. Sebagai permulaan, kami telah mengenal pasti bakat sejak awal, termasuk melalui sesi taklimat untuk 26 orang pelajar Tingkatan 4 dan 5 di Asrama Sabak Bernam, bagi menanam minat mereka dalam laluan kerjaya profesional ini.

Sementara itu, dalam mengiktiraf kepelbagaian keperluan pembangunan modal insan, Yayasan Selangor turut menjalin kerjasama strategik bersama Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT). Fokus utama kerjasama ini merangkumi tiga bidang kritikal iaitu latihan pengelasan (welding), penempatan pelajar, dan penyediaan peluang pekerjaan segera. Keistimewaan kolaborasi ini terletak pada pendekatan holistik dan inklusifnya. Ia memberi impak terus kepada belia bukan akademik, anak-anak daripada keluarga B40, serta bekas anggota tentera yang dihormati. Dengan membekalkan kemahiran teknikal khusus, kita membantu mereka membina masa depan yang lebih stabil, bermaruah dan berdaya maju. Ini selaras dengan aspirasi lebih luas untuk menjadikan Selangor sebagai hab pembangunan modal insan bertaraf nasional.

Komitmen Yayasan Selangor terhadap pembangunan profesional tidak terhenti di situ. Sepanjang tahun, kami telah membina rangkaian kerjasama yang lebih luas dan bersepadu. Lawatan penanda aras daripada Yayasan Sarawak dan Yayasan Islam Negeri Kedah telah membuka ruang perkongsian amalan terbaik dalam pengurusan pelajar dan kemampanan kewangan. Hubungan kami dengan institusi pengajian tinggi negeri, khususnya Universiti Islam Selangor (UIS), turut diperkukuh melalui sesi dialog bagi meneliti potensi kerjasama dalam bidang keusahawanan dan pembangunan holistik belia.

Selain itu, penglibatan Yayasan Selangor dalam program HRD Corp Skills2Sector telah membolehkan setiap latihan dan program pembangunan kemahiran yang ditawarkan diselaraskan dengan keperluan semasa industri. Ini memastikan para pelajar dan peserta latihan bukan sahaja menguasai kemahiran, malah bersedia untuk dihubungkan dengan majikan yang tepat.

Kerjasama ini menandakan satu transformasi penting dalam pendekatan Yayasan Selangor, daripada sekadar menyalurkan bantuan kepada satu bentuk pelaburan dalam potensi manusia. Sama ada melalui pemahaman asas perakaunan atau penguasaan kemahiran teknikal seperti pengelasan, matlamat utama kami ialah membekalkan anak-anak Selangor dengan alat dan kemahiran yang mereka perlukan untuk berjaya dalam abad ke-21. Saya ingin merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada rakan strategik kami di INTEC, PERHEBAT, dan seluruh pihak di negeri ini yang berkongsi visi kami. Bersama-sama, kita bukan sekadar mengajar kemahiran, tetapi membina kehidupan yang lebih bermakna dan berdaya maju.

Pengukuhan Aset dan Kelestarian Ekonomi

“Bagi memastikan kesinambungan misi sosial Yayasan Selangor dapat dilaksanakan secara berterusan, tahun 2025 menandakan satu fasa penting dalam usaha kami memperkukuh kemampanan ekonomi organisasi. Di bawah kepimpinan saya, Yayasan Selangor telah melaksanakan pendekatan baharu yang lebih strategik ke arah pembentukan model operasi yang mampan dan berdikari, sejajar dengan keperluan semasa serta tuntutan masa hadapan.

Melalui pelaksanaan inisiatif penambahbaikan aset atau Asset Enhancement Initiative (AEI), Yayasan Selangor memberi tumpuan kepada penjanaan sumber pendapatan berterusan bagi menyokong pelaksanaan program pendidikan teras. Pendekatan ini amat penting bagi memastikan keupayaan kewangan Yayasan Selangor kekal kukuh, sekali gus membolehkan usaha pembangunan

modal insan diteruskan secara konsisten dan berimpak tinggi.

Salah satu inisiatif utama yang sedang dilaksanakan ialah pembangunan semula bangunan 12 tingkat milik Yayasan Selangor yang terletak di persimpangan strategik Jalan Bukit Bintang dan Jalan Sultan Ismail. Aset ini sedang ditransformasikan menjadi Sinma Redland Mall, sebuah pembangunan komersial moden yang bukan sahaja meningkatkan nilai hartanah sedia ada, malah berupaya merancakkan aktiviti ekonomi di kawasan berkenaan. Fasa pertama projek ini dijadualkan mula beroperasi pada Disember 2025, manakala keseluruhan pembangunan disasarkan siap sepenuhnya menjelang awal tahun 2027, bertepatan dengan Tahun Melawat Malaysia 2026 bagi memaksimumkan pulangan ekonomi dan kehadiran pengunjung.

Pelaksanaan projek ini turut disokong melalui kerjasama strategik bersama Redland USJ Summit Properties Sdn. Bhd. dan S&M Shopping Arcade Sdn. Bhd. menerusi pemeteraian Memorandum Persefahaman, bagi memastikan pembangunan dilaksanakan secara terancang, mampan dan berdaya maju. Lebih daripada sekadar projek komersial, pembangunan ini merupakan sumber hasil jangka panjang yang akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk memperkukuh agenda pendidikan Yayasan Selangor.

Selain itu, Yayasan Selangor turut meluaskan peranannya melalui penyertaan dalam pembangunan Pulau Carey, satu inisiatif berskala besar yang menjadi pemacu kepada pertumbuhan ekonomi masa hadapan negeri Selangor. Penyertaan ini dimuktamadkan selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri untuk membangunkan sebuah hab ekonomi yang pintar, mampan dan berdaya saing di peringkat global.

Pembangunan Pulau Carey merangkumi penubuhan Taman Edu-Teknologi yang menumpukan kepada pendidikan berasaskan teknologi dan inovasi, serta pembangunan Hab Sekuriti Makanan yang dilengkapi kemudahan bertaraf antarabangsa seperti sistem rantaian sejuk, silo bahan mentah dan infrastruktur agro-logistik. Inisiatif ini bukan sahaja menyokong agenda keselamatan makanan negara, malah membuka ruang kepada pembangunan kemahiran, teknologi serta peluang pekerjaan berimpak tinggi.

Secara keseluruhannya, penyertaan Yayasan Selangor dalam pembangunan strategik berskala besar ini mencerminkan komitmen berterusan kami untuk mengimbangi pertumbuhan ekonomi dengan tanggungjawab sosial. Hasil penjanaan daripada aset strategik ini akan dimanfaatkan sepenuhnya bagi memperkukuh program pendidikan, memperluas bantuan kepada pelajar khususnya daripada golongan berpendapatan rendah, serta memastikan tiada anak Selangor tercicir daripada peluang pendidikan. Sejak penubuhannya pada 5 November 1970, Yayasan Selangor kekal komited melahirkan modal insan berkualiti demi membina masa depan negeri Selangor yang lebih mampan, inklusif dan progresif."

Tanggungjawab Sosial dan Keprihatinan Masyarakat

Tatkala kita menelusuri perjalanan sepanjang tahun 2025, yang juga menandakan ulang tahun ke-55 penubuhan Yayasan Selangor, saya berasa amat bersyukur dan terharu dapat berkongsi pencapaian Yayasan Selangor dalam bidang Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Sejak saya diberi amanah sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pada 3 Mac 2025, hasrat saya adalah untuk memastikan Yayasan Selangor bukan sahaja dikenali sebagai peneraju dalam penajaan pendidikan, malah sebagai sebuah institusi yang sentiasa prihatin, penyayang dan dekat di hati masyarakat.

Segala inisiatif CSR yang dilaksanakan berpaksikan kepada moto Yayasan Selangor, iaitu "Pendidikan Unggul: Mengupaya Insan, Merealisasi Wawasan", yang mencerminkan komitmen kami dalam membina insan berilmu serta memperkukuh kesejahteraan sosial secara menyeluruh.

Antara detik paling bermakna dalam perjalanan CSR kami pada tahun ini ialah tindak balas segera Yayasan Selangor susulan tragedi kebakaran saluran paip gas di Putra Heights. Sebagai agensi pelaksana di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor, Yayasan Selangor bertindak pantas bagi memastikan kebajikan dan pendidikan pelajar terjejas terus terpelihara.

Bantuan tunai sebanyak RM500 telah disalurkan kepada 265 orang murid sekolah rendah dan menengah, manakala pelajar institusi pengajian tinggi menerima baucar buku bernilai RM200. Selain itu, sumbangan tablet dan komputer riba turut diberikan bagi memastikan proses pembelajaran mereka tidak terjejas. Sebagai tanda solidariti dan keprihatinan, Yayasan Selangor turut menyumbangkan sebanyak RM10,000 kepada Tabung Prihatin Putra Heights bagi membantu meringankan beban komuniti yang terkesan.

Nilai keprihatinan Yayasan Selangor paling terserlah ketika bulan Ramadan yang penuh keberkatan. Melalui Program Santun Kasih Ramadan dan Aidilfitri, bantuan barangan keperluan asas serta sumbangan kewangan telah disampaikan kepada 20 buah keluarga terpilih, terdiri daripada golongan asnaf, keluarga berpendapatan rendah serta bekas kakitangan Yayasan Selangor.
Lawatan dan penyerahan bantuan ini dilaksanakan di sekitar Puchong, Klang, Kuala Lumpur, Sekinchan dan Sabak Bernam, dengan hasrat agar mereka dapat menyambut Aidilfitri dalam suasana yang lebih tenang, bermaruah dan penuh kesyukuran.

Di samping itu, program Iftar Madani dan Khatam al-Quran di Asrama Yayasan Selangor turut menghimpunkan seramai 350 orang pelajar dan warga kerja dalam suasana penuh ukhuwah. Dalam program ini, sumbangan turut disampaikan kepada anak-anak yatim serta imam dan bilal setempat sebagai tanda penghargaan dan perkongsian rezeki.

Sempena Hari Raya Aidiladha 1446H, Yayasan Selangor meneruskan tradisi keprihatinan melalui penyertaan dalam Program Ibadah Korban bersama komuniti setempat. Di Residensi Bestaria, Gombak, Yayasan Selangor menyumbangkan dua ekor lembu korban dan bersama-sama menyertai aktiviti gotong-royong bersama penduduk serta YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor.
Selain itu, Majlis Muafakat Aidiladha di Asrama Yayasan Selangor turut menyaksikan penglibatan aktif warga kerja, pelajar dan ibu bapa dalam proses penyembelihan serta pengagihan daging korban kepada golongan memerlukan. Program ini bukan sahaja menyemai nilai ihsan dan kebersamaan, malah mengukuhkan ikatan ukhuwah dalam komuniti.

Dalam usaha membudayakan semangat kesukarelawanan, Yayasan Selangor turut menganjurkan Kempen Derma Darah sempena sambutan Hari Malaysia di Menara Yayasan Selangor. Program ini berjaya menarik penyertaan lebih 130 warga kerja dan menjadi platform untuk menyumbang kepada keperluan bekalan darah negara, di samping memupuk nilai empati dan tanggungjawab sosial dalam kalangan kakitangan.

Penutup

Sebagai penutup, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengerusi, Ahli-Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Pengurusan dan seluruh warga kerja Yayasan Selangor, rakan strategik serta para penyumbang yang terus memberikan sokongan padu. Seiring aspirasi Malaysia MADANI dan dasar Kerajaan Negeri Selangor, Yayasan Selangor akan terus melangkah ke hadapan sebagai peneraju pendidikan yang inklusif, progresif dan berdaya tahan demi masa depan anak-anak Selangor.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan strategik, para penyumbang, warga kerja serta Kerajaan Negeri Selangor atas sokongan berterusan yang diberikan. Sesungguhnya, kejayaan Yayasan Selangor selama 55 tahun ini bukan hanya diukur melalui angka dan pencapaian, tetapi melalui kehidupan yang telah disentuh, harapan yang telah disemai, dan masa depan yang telah dibina bersama.

Insya-Allah, Yayasan Selangor akan terus melangkah ke hadapan sebagai institusi yang berintegriti, prihatin dan komited dalam memastikan tiada anak Selangor yang tercicir daripada peluang pendidikan dan kehidupan yang lebih baik.

Sekian, terima kasih.

YM Raja Nazirin Shah Raja Mohamad
Ketua Pegawai Eksekutif
Yayasan Selangor

Isi

KANDUNGAN

MAKLUMAT UMUM **iii**

AMANAT PENGERUSI **1**

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF **6**

ISI KANDUNGAN **11**

INFORMASI KORPORAT **13**
- Sekilas Pandang dan Latar Belakang Yayasan Selangor 14
- Profil Korporat (Piagam Pelanggan, Maklumat Syarikat, Logo YS, Visi, Misi Dan Motto) 20
- Senarai Ahli Lembaga Amanah Yayasan Selangor 24
- Senarai Ahli Jawatankuasa Pengurusan Yayasan Selangor 25
- Senarai Ahli Jawatankuasa Pendidikan dan Pembangunan Insan Yayasan Selangor 25
- Senarai Ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko Yayasan Selangor 26
- Senarai Ahli Jawatankuasa Tender Yayasan Selangor 26
- Carta Organisasi Yayasan Selangor 2025 27
- Pengurusan Yayasan Selangor 28

PENDIDIKAN SEBAGAI TERAS PERKHIDMATAN **29**
- Tabung Pendidikan Yayasan Selangor 30

BAHAGIAN STANDCO PENDIDIKAN **31**
- Tentang Standco 31
- Program Standco 32
- Lain-lain Aktiviti Standco Pendidikan Negeri 43
- Jumlah Peruntukan Kerajaan Negeri Program Standco Pendidikan Yayasan Selangor 2025 61

BAHAGIAN PENGURUSAN OPERASI PENDIDIKAN **62**
- Senarai Perkhidmatan Peringkat Sekolah (Semua program di bawah BPOP) 62
- Enrolmen Murid Tajaan 2025 64
- Rancangan Khas Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Yayasan Selangor 65

- Perbandingan Jumlah Murid Tajaan 2021 & 2025 69
- Program Pendidikan 70

BAHAGIAN PENGURUSAN ASRAMA 80
- Profil Asrama dan Sekolah Tajaan 80
- Jumlah Pelajar Asrama Yayasan Selangor Klang dan Asrama Yayasan Selangor Sabak Bernam 2023 2024 & 2025 (Perbandingan) 87
- Program Asrama Yayasan Selangor 88

BAHAGIAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN 94
- Enrolmen Pelajar Institut Pengajian Tinggi 2025 95
- Perbandingan Jumlah Pelajar Institut Pengajian Tinggi 2023 hingga 2025 97
- Biasiswa Pelajar Cemerlang 99
- Gambar Pengecualian 100%* 100

PERKHIDMATAN KORPORAT & PENGURUSAN MODAL INSAN 113
- Perjawatan Kakitangan 2025 114
- Aktiviti dan Program 119
- Aktiviti Sukan dan Persatuan 128
- Diari Korporat (Program Komunikasi Comms & Integriti 131

TRANSFORMASI & PENGURUSAN KUALITI 149
- Transformasi & Pengurusan Kualiti 150
- Program Transformasi Bahagian Pendidikan Yayasan Selangor 2025 151
- Projek Peningkatan Produktiviti YS 2025 (YS Productivity Drive 2025) 153
- Sistem Pengurusan Kualiti Ms ISO 9001:2015 155

LIPUTAN MEDIA 157

AUDITED ACCOUNTS 2025 167

Informasi

KORPORAT

Bab 1

Sekilas Pandang & Latar Belakang Yayasan Selangor

1970

Yayasan Selangor telah ditubuhkan pada 5 November 1970 dan didaftarkan secara rasmi di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah syarikat menurut jaminan. Idea asal penubuhan Yayasan Selangor telah dicetuskan oleh Allahyarham Dato' Seri Harun Idris, Menteri Besar Selangor yang ke-8, yang juga merupakan Pengerusi pertama Yayasan Selangor.

1971

Pembukaan rasmi dan pengambilan pertama murid di Asrama Dr. Latiff, Jalan Gurney, Kuala Lumpur adalah pada 27 Mei 1971. Asrama ini menempatkan pelajar-pelajar lelaki yang bersekolah di Victoria Institution, St. John Institution serta Methodist Boys' School, Kuala Lumpur.

1975

Program HIPERS (High Performance Rural School) yang dimulakan pada tahun 1986 dilaksanakan di sepuluh buah sekolah rendah di Negeri Selangor. Objektif utamanya adalah untuk meningkatkan pencapaian murid luar bandar dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Program ini berjaya melonjakkan prestasi murid dan sekolah, sekali gus meningkatkan kecemerlangan pelajar luar bandar dalam UPSR.

1984

Pada tahun 1984, Yayasan Selangor mula membiayai pelajar tajaan yang melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Selain menyediakan subsidi makanan melalui Program Rancangan Khas Pendidikan KPM-Yayasan Selangor dan Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP), Yayasan Selangor turut memperkenalkan skim pembiayaan dalam bentuk pinjaman pelajaran bagi pelajar dalam dan luar negara.

1986

Yayasan Selangor telah mengembangkan wawasan pendidikannya dengan menubuhkan Kolej INPENS bagi melahirkan tenaga kerja mahir dan berteknologi tinggi. Kini beroperasi di Kuala Selangor, Kolej INPENS berperanan sebagai institusi latihan kemahiran yang menawarkan program-program selari dengan perkembangan teknologi IR4.0.

Pada tahun ini, Yayasan Selangor menambah pengambilan pelajar asrama daerah dengan menempatkan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Damansara Utama (SMKDU) melalui Program Rancangan Khas Pendidikan Yayasan Selangor.

1988

Sebelum pembukaan Asrama Yayasan Selangor Klang (AYSK), pelajar Yayasan Selangor ditempatkan di SMK Tengku Ampuan Rahimah dan SMK Tinggi Klang. Pada tahun 1988, AYSK mula beroperasi dengan pengambilan kohort pertama pelajar Tingkatan Satu serta penempatan semula pelajar dari dua sekolah tersebut. Pada tahun yang sama, pelajar tajaan turut ditempatkan di empat sekolah asrama harian daerah: SM Dato' Harun (Tanjong Karang), SM Telok Datok, SM Sultan Abdul Aziz Shah (Kajang), dan SM Kuala Kubu Bharu.

1992

Yayasan Selangor telah mengembangkan program pendidikannya yang berfokus kepada pembangunan insan dengan mengambil alih pengurusan Kem Bina Semangat di Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu daripada Kerajaan Negeri Selangor. Terletak 65 km dari Kuala Lumpur, kem ini dikelilingi bukit-bukau menghijau dan berhampiran Sungai Selangor, menjadikannya lokasi yang sesuai untuk pelbagai aktiviti latihan.

1993

1994

Asrama Yayasan Selangor Sabak Bernam dibuka pada tahun 1994 dan dirasmikan semasa Majlis Sambutan Jubli Perak Yayasan Selangor pada tahun 1995. Pada awalnya, asrama ini menempatkan seramai 100 pelajar putera yang bersekolah di SMK Ungku Aziz dan SMK Tunku Abdul Rahman dalam daerah Sabak Bernam.

1995

Di AYSK, pelajar ditempatkan di lima sekolah sekitar Klang: Sekolah Tinggi Klang, La Salle Klang, Methodist Boys Klang, Methodist Girls Klang, dan Sekolah Convent Klang bertujuan meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris. AYSK menyediakan dua blok asrama (putera dan puteri), dewan makan, surau, dewan serbaguna, makmal sains, kelas prep, serta kemudahan sukan. Perkhidmatan pengangkutan disediakan melalui sebuah bas, sebuah van, dan bas sewaan. Kapasiti asrama ini ialah 350 orang pelajar.

Pusat Latihan Kemahiran ini telah melahirkan tenaga kerja yang kompeten dalam bidang kekompetenan elektrik di seluruh negara. Institut ini menawarkan kursus sepenuh masa seperti Kursus Pendawaian Elektrik Fasa Tunggal (PW2) dan Kursus Teknologi Penyejukbekuan serta Penyamanan Udara. Manakala Kursus Pendawaian Tiga Fasa (PW4) dijalankan secara separuh masa.



Program PEKA 21 merupakan transformasi dan penambahbaikan daripada program HIPERS yang dianjurkan sebelum ini. Program ini dilancarkan untuk meningkatkan kecemerlangan akademik pelajar dan diperluas skopnya kepada 50 buah sekolah di seluruh negeri Selangor.

Yayasan Selangor telah memainkan peranan penting dalam pembangunan pendidikan tinggi negeri dengan menubuhkan Universiti Industri Selangor. Universiti ini kini dikenali sebagai Universiti Selangor (UNISEL) dan berfungsi sebagai institusi pengajian tinggi yang menawarkan pelbagai program akademik dan kemahiran yang relevan dengan keperluan industri dan pembangunan ekonomi negeri.

Rancangan Khas Pendidikan Yayasan Selangor mengembangkan enrolmen pelajarnya dengan memasukkan Maahad Tahfiz Sains & Teknologi JAIS. Selain pelajaran akademik, Yayasan Selangor juga mengutamakan pengetahuan agama di kalangan pelajarnya.

Rancangan Khas Pendidikan Yayasan Selangor (RKPYS) menjadi sinonim sebagai produk tetap Yayasan Selangor. Pada tahun ini, Yayasan Selangor menambah kerjasama dengan enam buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dalam program RKPYS.

2014

Program yang diperkenalkan semula pada 2014 ini membantu murid Tahun 6 dan pelajar Tingkatan 5 di 10 sekolah rendah dan 10 sekolah menengah di Selangor meningkatkan pencapaian akademik. Ia bertujuan memberi peluang kepada pelajar luar bandar dan pinggir bandar melanjutkan pengajian ke sekolah terpilih dan institusi tinggi. Program ini mendapat sokongan JPN Selangor dan bilangan peserta akan ditambah setiap tahun.

2017

Program Tuisyen Percuma Atas Talian merupakan inisiatif pertama Kerajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan taraf pendidikan di negeri ini. Yayasan Selangor dilantik sebagai agensi pelaksana bersama Kerajaan Negeri.

Melalui aplikasi ini, pelajar dapat mengakses video pembelajaran dan soalan latihan mengikut topik bagi setiap subjek, sekali gus membantu memperkukuh kefahaman. Pelajar berdaftar boleh mengulangkaji pelajaran pada bila-bila masa dan di mana sahaja menggunakan telefon pintar atau peranti lain.

2021

Sempena sambutan ulang tahun ke-50 Yayasan Selangor, yayasan ini telah memeterai kerjasama strategik dengan 18 agensi awam dan swasta dalam melaksanakan program pendidikan. Inisiatif ini bertujuan memperkukuh jaringan kolaboratif bagi meningkatkan akses dan kualiti pendidikan di negeri Selangor. Melalui kerjasama ini, pelbagai program dan inisiatif akan dijalankan secara bersama, memberi manfaat lebih luas kepada pelajar dan komuniti setempat.

2022

Yayasan Selangor telah dilantik sebagai agensi pelaksana bagi Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor. Pelantikan ini menandakan kepercayaan kerajaan negeri terhadap Yayasan Selangor dalam mengurus dan melaksanakan program-program pendidikan yang strategik bagi meningkatkan mutu pendidikan di negeri Selangor. Sebagai agensi pelaksana, Yayasan Selangor bertanggungjawab merancang, melaksanakan, dan memantau pelbagai inisiatif pendidikan yang seiring dengan dasar dan visi pendidikan negeri.

2023

Yayasan Selangor telah menjalankan penjenamaan semula identiti korporat sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh imej dan visi organisasi. Pelancaran logo baharu ini menandakan langkah penting dalam memperbaharui dan memodenkan identiti Yayasan Selangor agar lebih relevan dengan perkembangan masa kini serta mencerminkan komitmen berterusan dalam memajukan pendidikan dan pembangunan insan di negeri Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor, melalui Yayasan Selangor, memperkukuh komitmen dalam bidang pendidikan dengan melancarkan dua inisiatif penting iaitu pemberian e-baucar buku percuma dan pembiayaan latihan industri untuk mahasiswa Selangor.

Rancangan Khas Pendidikan Yayasan Selangor mengembangkan enrolmen pelajarnya dengan memasukkan Maahad Tahfiz Sains & Teknologi JAIS. Selain pelajaran akademik, Yayasan Selangor juga mengutamakan pengetahuan agama di kalangan pelajarnya.



Pelancaran Rancangan Strategik Pendidikan Negeri Selangor (SELESTARI 2025 – 2030) menandakan komitmen kerajaan negeri untuk memperkukuh dan memajukan sistem pendidikan di Selangor. Rancangan ini merangkumi pelbagai inisiatif dan strategi bagi meningkatkan kualiti pengajaran, pembelajaran, serta akses pendidikan kepada semua lapisan masyarakat.

Yayasan Selangor telah dilantik sebagai peneraju Sekretariat Yayasan Se-Malaysia yang diadakan bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Penubuhan sekretariat ini bertujuan memperkukuh kerjasama antara yayasan-yayasan pendidikan di seluruh negara bagi menyelaraskan usaha dalam memajukan pendidikan. Sesi penubuhan tersebut turut disertai oleh YB Menteri Pendidikan, menandakan sokongan tinggi kerajaan terhadap inisiatif ini.

Yayasan Selangor memperluas kerjasama strategik melalui pemeteraian MoU bersama PNSB, SD Guthrie Berhad dan IJM Corporation Berhad bagi pembangunan Edu-Technology Park dan Hab Sekuriti Makanan di Pulau Carey, yang bertujuan memacu pendidikan, teknologi serta peluang latihan dan kerjaya berimpak tinggi untuk generasi akan datang.

55 Tahun Memperkasa Pendidikan: Evolusi Yayasan Selangor (1970–2025)

Evolusi daripada penyedia infrastruktur pendidikan tradisional kepada peneraju inovasi digital dan kepimpinan strategik.

1970: Kelahiran Sebuah Visi

Ditubuhkan oleh Dato' Seri Harun Idris untuk menyediakan sokongan pendidikan tersusun di Selangor.

Perluasan Akses Melalui Asrama

Membangunkan rangkaian asrama (1971–1994) untuk menempatkan pelajar luar bandar di sekolah elit bandar.

Penubuhan Institusi Pengajian Tinggi

Menubuhkan Kolaj INPENS (1993) dan UNISEL (1999) untuk pendidikan teknikal dan relevan industri.

2017: Peralihan ke Arah Digital

Melancarkan Tuisyen Percuma Dalam Talian melalui peranti mudah alih untuk capaian lebih luas.

2023: Kepimpinan Urus Setia Kebangsaan

Dilantik sebagai urus setia utama bagi semua yayasan pendidikan Malaysia dengan kerjasama KPM.

2025: Taman Teknologi Pendidikan Masa Depan

Menandatangani MoU dengan peneraju industri seperti SD Guthde untuk membangunkan Edu-Technology Park.



Profil Korporat

Yayasan Selangor telah diperbadanankan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan (Company Limited By Guarantee) pada 5 November 1970. Tujuan penubuhan Yayasan Selangor adalah untuk memberi bantuan pendidikan dan mengupaya insan melalui program pendidikan khususnya kepada rakyat Negeri Selangor.

Yayasan Selangor beroperasi tanpa geran dan perlu menjana pendapatannya sendiri namun komited bersama menyokong Kerajaan Negeri Selangor dalam membangunkan taraf pendidikan anak-anak watan di negeri ini.



Piagam Pelanggan

Yayasan Selangor beriltizam untuk memberi perkhidmatan terbaik yang cakna dengan keperluan pelanggan melalui penanda aras pretasi yang telah ditetapkan.

BIL	KOMITMEN KAMI	PENANDA ARAS
1.	Kami Akan Memastikan Masa Menunggu Pelanggan Untuk Permohonan Perkhidmatan Kami Tidak Akan Melebihi Dari Penanda Aras Yang Telah Ditetapkan:	
	i. Permohonan Pengambilan Pelajar Rancangan Khas Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia – Yayasan Selangor (RKPYS)	- Surat Tawaran Dikeluarkan Dalam Tempoh 60 Hari Bekerja Dari Tarikh Akhir Hantar Dokumen Permohonan
	ii. Permohonan Biasiswa Rancangan Khas Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia – Yayasan Selangor (RKPYS)	- Surat Tawaran Biasiswa Dikeluarkan Dalam Tempoh 30 Hari Bekerja Dari Tarikh Surat Tawaran RKPYS
	iii. Permohonan Pinjaman Pendidikan Yayasan Selangor	- Surat Tawaran Dikeluarkan Dalam Tempoh 21 Hari Bekerja Dari Tarikh Pemilihan
	iv. Permohonan Sumbangan	- Memberi Jawapan Melalui E-mel/Surat Rasmi Dalam 14 Hari Bekerja
2 .	Kami komited untuk menyelesaikan Pembayaran kepada pihak berkepentingan berdasarkan penanda aras yang ditetapkan.	
	i. Biasiswa RKPYS (Pelajar Baru)	- Pembayaran Dalam Tahun Semasa
	ii. Biasiswa RKPYS (Pelajar Sedia ada)	- Dua Kali Setahun Mengikut Penggal Persekolahan
	iii. Pinjaman Pendidikan Yayasan Selangor (Pelajar Baru dan Sedia ada)	- 2 Kali Setahun
3.	Kami komited untuk memberi maklumbalas ke atas kesemua aduan dan pertanyaan berkaitan perkhidmatan Yayasan Selangor berdasarkan penanda aras yang ditetapkan.	- Maklumbalas akan diberikan dalam tempoh 3 hari bekerja.
	i. Aduan/Pertanyaan Berkaitan Perkhidmatan Yayasan Selangor	- Untuk aduan yang memerlukan siasatan terperinci, maklumbalas awal akan diberikan dalam tempoh 3 hari bekerja dan maklumbalas hasil siasatan diberikan dalam jangka masa 14 hari bekerja.

Maklumat Syarikat

PEJABAT BERDAFTAR

YAYASAN SELANGOR

Tingkat 18,
Menara Yayasan Selangor,
No. 18A, Jalan Persiaran Barat
46000 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan

JURUAUDIT

Z. AMIN
CHARTERED ACCOUNTANTS

No. 06-15
Kenwington Square Garden
Persiaran Bestari, Cyber 9
63000 Cyberjaya

BANK BERDAFTAR

CIMB Bank Berhad

Malayan Banking Berhad

Ambank Berhad

LOGO

YAYASAN SELANGOR
197001000833 (10096-K)

Visi, Misi dan Motto



Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor



PENGERUSI
YAB DATO' SERI AMIRUDIN SHARI
DATO' MENTERI BESAR
SELANGOR



TIMBALAN PENGERUSI
Y.B. DATO' DR. AHMAD FADZLI AHMAD TAJUDDIN
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
SELANGOR



Y.B. DATUK DR. HANIFF ZAINAL ABIDIN
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
SELANGOR



DR. JAFRI ABU
PENGARAH PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR



YBHG. PROFESOR EMERITUS
DATO' CHM. DR. MOHD JAMIL MAAH
AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH YS

Ahli Jawatankuasa Pengurusan Yayasan Selangor

PENGERUSI
Y.B. DATO' DR. AHMAD FADZLI AHMAD TAJUDDIN
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
SELANGOR

Y.B. DATUK DR. HANIFF ZAINAL ABIDIN
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
SELANGOR

Y.BHG. DATO' JOHARY BIN ANUAR
TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PEMBANGUNAN)
MERANGKAP PENGARAH UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)

Y.BRS. TUAN A RAHIM BIN KASDI
SETIAUSAHA POLITIK
KEPADA YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.BHG. DATUK SR MOHD SALEM KAILANY
PENGARAH EKSEKUTIF / KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
KLCC PROPERTY HOLDINGS BERHAD

Ahli Jawatankuasa Pendidikan & Pembangunan Insan Yayasan Selangor

PENGERUSI
YAB DATO' SERI AMIRUDIN SHARI
DATO' MENTERI BESAR
SELANGOR

DR. JAFRI ABU
PENGARAH PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR

DATO' JOHARY ANUAR
TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PEMBANGUNAN)
MERANGKAP PENGARAH UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)

MOHD NAZRI NOH
PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko Yayasan Selangor

PENGERUSI
Y.B. DATUK DR. HANIFF ZAINAL ABIDIN
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
SELANGOR

MOHD SABREE YAAKUB
BENDAHARI NEGERI
SELANGOR

S NORMALIS ABD SAMAD
PENASIHAT PROFESIONAL

Ahli Jawatankuasa Lembaga Tender Yayasan Selangor


PENGERUSI
Y.B. DATO' DR. AHMAD FADZLI AHMAD TAJUDDIN
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
SELANGOR

DR JAFRI ABU
PENGARAH PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR

DATO' JOHARY ANUAR
TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PEMBANGUNAN)
MERANGKAP PENGARAH UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)


MOHD SABREE YAAKUB
BENDAHARI NEGERI
SELANGOR

Pelaksanaan Penstrukturan Carta Organisasi YS 2025



Pengurusan Yayasan Selangor





Pendidikan sebagai

TERAS PERKHIDMATAN

Bab 2

Tabung Pendidikan Yayasan Selangor

• Tabung Pendidikan Yayasan Selangor telah diaktifkan sejak September 2019 dengan menggunakan dana operasi untuk bayaran biasiswa pelajar tajaan.

• Kelulusan Pengecualian Cukai Pendapatan di bawah subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967 bertarikh 7 Julai 1971.




• Yayasan Selangor mengaktifkan kembali Tabung Pendidikan Yayasan Selangor untuk memberi peluang kepada pihak korporat dan individu agar dapat bersama-sama Yayasan Selangor membangunkan bidang pendidikan untuk rakyat Selangor.

• Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mensyaratkan Yayasan Selangor sebagai syarikat berhad menurut jaminan hendaklah mendapatkan kelulusan SSM sepertimana senarai semak no.6 Seksyen 45 Akta Syarikat 2016 (CA 2016) yang antara lain memerlukan kelulusan daripada Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor.

• Aktiviti kutipan dana diaktifkan selepas mendapat kelulusan SSM dan LHDN.

Objektif:
Tabung Pendidikan Yayasan Selangor :-



1. Membantu Yayasan Selangor melestarikan program pendidikan yang sedia ada dan meningkatkan keupayaan Yayasan Selangor membiayai program yang lebih berkualiti untuk anak-anak Selangor

2. Mengurangkan beban kewangan Yayasan Selangor yang menjana pendapatan sendiri bagi membiayai kesemua program pendidikan

3. Memberi peluang kepada individu atau organisasi untuk menyumbang bagi menyediakan lebih banyak program pendidikan kepada anak-anak Selangor

Tentang Standco



Pada tahun 2024, Yayasan Selangor telah diberi mandat baharu yang signifikan apabila diumumkan sebagai lead agency atau agensi pelaksana kepada Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor. Pengumuman ini telah disampaikan secara rasmi oleh YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor semasa sesi Pembentangan Belanjawan Selangor 2024.

Susulan daripada pengiktirafan ini, STANDCO Pendidikan Negeri Yayasan Selangor telah ditubuhkan bagi melaksanakan peranan sebagai sekretariat utama dalam menyelaras dan melaksanakan inisiatif-inisiatif pendidikan yang digariskan oleh Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor. Bahagian ini berperanan sebagai penghubung strategik antara Kerajaan Negeri, agensi-agensi berkaitan pendidikan, pemegang taruh serta pihak berkepentingan yang lain dalam memastikan hala tuju dasar pendidikan negeri dilaksanakan dengan cekap, menyeluruh dan inklusif.

Pelantikan ini mencerminkan kepercayaan Kerajaan Negeri terhadap keupayaan institusi Yayasan Selangor dalam menerajui agenda pembangunan pendidikan negeri ke arah yang lebih progresif dan berimpak tinggi, sejajar dengan matlamat menjadikan Selangor sebagai peneraju kecemerlangan pendidikan di peringkat nasional

1. JERAYAWARA SISWA SELANGOR

Program Jerayawara Siswa Selangor merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor bagi menyantuni mahasiswa anak negeri yang sedang melanjutkan pengajian di institusi pendidikan tinggi awam dan swasta di seluruh negara. Program ini menyasarkan kira-kira 42,000 orang mahasiswa Selangor di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda.

Selaras dengan teras kedua Belanjawan Selangor 2024/2025 serta kesinambungan Tekad Pendidikan Negeri Selangor, program ini diterajui oleh STANDCO Pendidikan Negeri Yayasan Selangor dengan kerjasama rakan strategik. Pelaksanaannya diharap dapat memberi impak positif kepada pembangunan mahasiswa serta memperkukuh peranan Selangor sebagai peneraju inisiatif pendidikan di peringkat nasional.

Tiga siri Program Jerayawara Pendidik Muda #Kita Selangor di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam, Jerayawara Siswa #Kita Selangor di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim dan UITM Puncak Alam.











2. PROGRAM BAUCAR BUKU SISWA #KITASELANGOR

Baucar Buku #KitaSelangor merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor bagi membantu kebajikan mahasiswa anak negeri yang sedang melanjutkan pengajian di institusi pendidikan tinggi awam dan swasta di seluruh negara. Program ini dilaksanakan secara tahunan sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan kerajaan negeri dalam menyokong pembangunan pendidikan tinggi.

Diterajui oleh STANDCO Pendidikan Negeri Yayasan Selangor, program ini menyasarkan mahasiswa khususnya daripada golongan B40 dan M40 bagi mengurangkan beban kos pembelajaran. Inisiatif ini mencerminkan usaha kerajaan negeri dalam membangunkan ekosistem pendidikan yang lestari, memastikan kesinambungan bakat dan tenaga profesional masa hadapan, serta menyokong aspirasi Malaysia Madani.

Perbadanan Kota Buku dilantik sebagai rakan strategik bagi penyediaan platform baucar dan pengurusan penebusan buku atas talian melalui portal bookcapital.com, termasuk proses pra-pendaftaran penerima serta pelaksanaan sesi penyerahan baucar dan taklimat penebusan.



3. PROGRAM SELANGOR *INTERNSHIP STUDENT PROGRAMME* (SISPRO)

Program SISPRO merupakan inisiatif Kerajaan negeri melalui STANDCO Pendidikan Negeri Yayasan Selangor bagi membantu kebajikan mahasiswa anak negeri Selangor yang menjalani latihan industri sebagai sebahagian daripada keperluan pengajian di institusi pengajian tinggi awam dan swasta di seluruh negara. Program ini menyasarkan mahasiswa daripada pelbagai bidang pengajian yang memerlukan latihan industri sebagai syarat kelayakan akademik.

Sebagai program rintis, SISPRO dilaksanakan melalui pemberian elaun tambahan berjumlah RM1,000.00 secara sekali bayar kepada mahasiswa yang menjalani latihan industri. Bantuan ini disasarkan khusus kepada golongan B40 dan M40 bagi meringankan beban kos sara hidup sepanjang tempoh latihan industri dan dikreditkan terus ke akaun penerima. Seramai 300 orang penerima anak Selangor telah menerima manfaat program ini, di mana bayaran telah dikreditkan pada bulan Januari 2026. Pelaksanaan program ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Selangor dalam membangunkan ekosistem pendidikan yang mampan serta melahirkan bakat profesional masa hadapan selaras dengan nilai dan teras Malaysia Madani.



4. HUB MAHASISWA SELANGOR

Program Hub Mahasiswa Selangor merupakan inisiatif strategik Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pendidikan dan Modal Insan (STANDCO Pendidikan) dengan kerjasama Yayasan Selangor sebagai platform bersepadu bagi menyelaras pembangunan kepimpinan, kebajikan serta pemantauan inisiatif pendidikan yang melibatkan mahasiswa dan pelajar anak negeri Selangor di institusi pengajian tinggi di seluruh negara.

Melalui pendekatan kerjasama rentas agensi, program ini juga berperanan sebagai pusat pendataan mahasiswa bagi memastikan perancangan, penyelarasan serta pelaksanaan program dapat dilaksanakan secara lebih sistematik, berfokus, inklusif dan berimpak tinggi selaras dengan agenda pembangunan modal insan negeri.

Sehubungan itu, beberapa program di bawah inisiatif Hub Mahasiswa Selangor telah dilaksanakan seperti berikut:

i. Hub Mahasiswa: CEO of Kampus di Menara Yayasan Selangor
ii. Hub Mahasiswa: Training of Trainers (ToT) di Manara Yayasan Selangor
iii. Hub Mahasiswa: Sidang Kepimpinan Mahasiswa Selangor – UTHM di Menara Yayasan Selangor
iv. Hub Mahasiswa: Data Management Using Microsoft Excel di Manara Yayasan Selangor











5. GERAN PENYELIDIKAN NEGERI SELANGOR (GPNS)

Geran Penyelidikan Negeri Selangor (GPNS) merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pendidikan dan Modal Insan bagi menyokong pembangunan penyelidikan berimpak tinggi yang selaras dengan agenda Rancangan Selangor Pertama (RS1). Inisiatif ini bertujuan menggalakkan penghasilan penyelidikan yang mampu menyumbang kepada pembangunan dasar, inovasi serta penyelesaian kepada cabaran semasa negeri Selangor.

Bermula tahun 2025, pelaksanaan GPNS diselaraskan oleh STANDCO Pendidikan Negeri dengan Yayasan Selangor sebagai regulator pelaksanaan program. Inisiatif ini dirangka bagi memperkukuh ekosistem penyelidikan negeri melalui kerjasama strategik bersama institusi pengajian tinggi, penyelidik serta agensi berkaitan.

Pelaksanaan GPNS dijangka berlangsung bermula Oktober dan akan dilaksanakan melalui tiga fasa utama, iaitu:

i. **Fasa Persediaan :** penyelarasan dasar, pemilihan penyelidikan serta penyediaan mekanisme pelaksanaan.
ii. **Fasa Pelaksanaan Penyelidikan :** pelaksanaan projek penyelidikan oleh institusi dan penyelidik terpilih.
iii. **Fasa Penutupan :** pembentangan hasil penyelidikan, penerbitan dapatan serta cadangan dasar kepada Kerajaan Negeri.

Bagi memastikan pelaksanaan geran ini berjalan dengan teratur dan berkesan, beberapa sesi penyelarasan telah diadakan seperti berikut:

a. Mesyuarat Urusetia Geran Penyelidikan Negeri Selangor di Universiti Islam Selangor
b. Penyelarasan ke-2 Geran Penyelidikan Negeri Selangor di Pustaka Raja Tun Uda
c. Penyelarasan ke-3 Geran Penyelidikan Negeri Selangor di Universiti Islam Selangor





6. PROJEK NAIK TARAF ASRAMA YAYASAN SELANGOR KLANG (AYSK)

Kerajaan Negeri Selangor melalui Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1.3 juta bagi melaksanakan Projek Naik Taraf Asrama Yayasan Selangor Klang demi menyediakan kemudahan penginapan yang lebih selesa, selamat dan kondusif kepada para pelajar.

Projek yang melibatkan kos keseluruhan RM1,300,000.00 itu telah memulakan kerja-kerja pelaksanaannya pada 24 Disember 2025 dengan penglibatan lima kontraktor yang dilantik bagi memastikan setiap skop kerja dapat disiapkan mengikut jadual dan spesifikasi yang ditetapkan. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan Kerajaan Negeri Selangor dalam memperkukuh ekosistem pendidikan melalui penyediaan infrastruktur yang berkualiti, sekali gus mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih selesa dan kondusif kepada pelajar Yayasan Selangor.

Projek naik taraf tersebut dijangka memberi manfaat kepada penghuni asrama dengan penambahbaikan kemudahan sedia ada, selain meningkatkan tahap keselamatan, keselesaan dan kebajikan pelajar sepanjang tempoh pengajian mereka.

Usaha ini juga selari dengan aspirasi Kerajaan Negeri untuk terus memperkasakan pembangunan modal insan melalui pelaburan dalam kemudahan pendidikan yang berkualiti, demi melahirkan generasi masa depan yang berdaya saing dan cemerlang.



Program : **Mesyuarat Penyelarasan Projek Baik Pulih Asrama Yayasan Selangor Klang**
Tarikh : 10 Januari 2025
Tempat : Ibu pejabat JKR Selangor



Program : **Taklimat tender Projek Naik Taraf Asrama Yayasan Selangor Klang**
Tarikh : 12 November 2025
Tempat : Asrama Yayasan Selangor Klang



Program : **Lawatan Tapak JKR Selangor ke Asrama Yayasan Selangor Klang**
Tarikh : 21 Februari 2025
Tempat : Klang

7. PROGRAM MOTIVASI LEDAKAN PRESTASI PELAJAR SEKOLAH ANGKAT YAYASAN SELANGOR

Yayasan Selangor terus komited dalam memperkasa pembangunan modal insan menerusi penganjuran Program Motivasi Ledakan Prestasi Pelajar Sekolah Tajaan Yayasan Selangor, sebuah inisiatif yang bertujuan menyuntik semangat, meningkatkan keyakinan diri serta memupuk disiplin dalam kalangan pelajar bagi mencapai kecemerlangan akademik.

Program ini memberi penekanan kepada pembentukan sikap positif, pengurusan emosi dan persediaan mental pelajar dalam menghadapi peperiksaan utama, di samping membina daya tahan serta motivasi untuk terus berusaha mencapai potensi terbaik mereka.

Pelaksanaan program melibatkan pelajar Tingkatan 4, Tingkatan 5 dan Tingkatan 6 di sekolah-sekolah tajaan Yayasan Selangor melalui pendekatan motivasi yang interaktif, dinamik dan berimpak tinggi. Pelbagai aktiviti dirangka bagi membantu pelajar meningkatkan fokus, membina keyakinan serta mengukuhkan kemahiran kendiri dalam menghadapi cabaran akademik.

Inisiatif ini selaras dengan komitmen Yayasan Selangor untuk melahirkan generasi pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, malah memiliki sahsiah unggul, daya saing tinggi dan keseimbangan dari aspek intelektual, emosi serta sosial sebagai persediaan menghadapi masa depan.



Program : **Motivsi Ledakan Prestasi Pelajar Sekolah Angkat Yayasan Selangor**
Tarikh : 24 Julai 2025
Tempat : SMK Bandar Seri Putra



Program : **Motivasi Ledakan Prestasi Pelajar Sekolah Angkat Yayasan Selangor**
Tarikh : 25 Julai 2025
Tempat : SMK Jalan 3,Bangi





Program : **Motivasi Ledakan Prestasi Angkat Yayasan Selangor**
Tarikh : 15 Oktober 2025
Tempat : SMK Bandar Baru Banting

8. FORUM PENDIDIKAN MADANI NEGERI SELANGOR 2025

Dalam usaha memperkukuh agenda reformasi pendidikan di Selangor, Jawatankuasa Tetap Pendidikan dan Modal Insan Negeri Selangor telah melantik Yayasan Selangor sebagai penganjur bersama Forum Pendidikan MADANI Negeri Selangor 2025, sebuah platform intelektual yang menghimpunkan cendekiawan, ahli akademik, pendidik, pembuat dasar, mahasiswa serta pelbagai pihak berkepentingan bagi membincangkan cabaran semasa dan merangka penyelesaian strategik demi masa depan pendidikan negara.

Forum ini diwujudkan sebagai wadah perbincangan yang memfokuskan kepada isu-isu kritikal dalam sistem pendidikan negara dengan matlamat menghasilkan cadangan penyelesaian yang holistik, inklusif dan berimpak tinggi. Melalui perkongsian idea, pengalaman serta pandangan pelbagai pihak, forum ini diharap dapat memperkukuh ekosistem pendidikan negara agar lebih responsif terhadap perubahan semasa.

Pelaksanaan forum ini mengambil kira pelbagai cabaran yang sedang dihadapi sektor pendidikan, termasuk isu buli di sekolah, tekanan terhadap warga pendidik, ekspektasi ibu bapa yang semakin tinggi serta pelbagai isu sosial yang memberi kesan kepada proses pembelajaran dan pembangunan sahsiah pelajar.

Sehubungan itu, pendekatan kolaboratif dan pemikiran strategik amat penting bagi merangka dasar serta tindakan yang lebih menyeluruh demi memastikan sistem pendidikan negara kekal relevan, berdaya tahan dan mampu melahirkan generasi yang berkualiti.

Selaras dengan Agenda Reformasi Pendidikan di bawah Pelan Pendidikan Masa Depan Malaysia 2026–2036, Forum Pendidikan MADANI Negeri Selangor 2025 diharap menjadi pemangkin kepada transformasi landskap pendidikan negara, sekali gus menyokong aspirasi Malaysia MADANI dalam melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak, berdaya saing dan bersedia menghadapi cabaran masa depan.



Program : **Forum Pendidikan Madani Negeri Selangor 2025**
Tarikh : 22 Oktober 2025
Tempat : Pustaka Raja Tun Uda

9. KEM SISWA #KITASELANGOR: INSPIREX LEADERSHIP

Dalam usaha melahirkan barisan pemimpin muda yang berwawasan, berintegriti dan berdaya saing, Yayasan Selangor telah menganjurkan Program Mahasiswa InspireX Leadership 2025, sebuah platform pembangunan kepimpinan yang komprehensif bagi memperkukuh jati diri, kemahiran insaniah dan keupayaan mahasiswa anak Selangor sebagai pemimpin masa hadapan.

Program yang berlangsung pada 3 hingga 5 November 2025 di Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) Kem Tanjung Rhu, Sepang menghimpunkan mahasiswa daripada pelbagai institusi pengajian tinggi untuk mengikuti latihan intensif yang memberi penekanan kepada pembangunan kepimpinan, pemikiran strategik serta pengukuhan nilai-nilai integriti dan profesionalisme.

Sepanjang program, peserta didedahkan kepada pelbagai modul pembangunan kepimpinan yang merangkumi aspek kepimpinan dan pengurusan organisasi, protokol, kemahiran komunikasi, pengurusan kewangan, debat serta kemahiran berucap dan penyampaian idea. Pengisian ini dirangka bagi meningkatkan keyakinan diri, daya kepimpinan serta keupayaan mahasiswa dalam mengurus organisasi dan berinteraksi secara profesional.

Selain sesi latihan di dalam kelas, program ini turut diperkaya dengan aktiviti berkumpulan, aktiviti luar serta sesi Bicara Tokoh yang memberi peluang kepada peserta menimba pengalaman, memperluas perspektif dan mengasah pemikiran kritikal melalui perkongsian bersama tokoh-tokoh berpengalaman. Pendekatan pembelajaran secara interaktif ini turut menggalakkan semangat kerjasama, kreativiti dan kepimpinan dalam kalangan peserta.

Secara keseluruhannya, Program Mahasiswa InspireX Leadership berfungsi sebagai platform strategik Yayasan Selangor dalam membangunkan modal insan berkualiti tinggi dengan melahirkan barisan pemimpin mahasiswa yang berwawasan, berintegriti serta mampu menyumbang secara positif kepada pembangunan masyarakat, negeri dan negara, selaras dengan aspirasi melahirkan generasi pemimpin masa depan yang progresif dan berdaya tahan.



Program : **Kem Siswa #KitaSelangor**
Tarikh : 3-5 November 2025
Tempat : Akademi Kenegaraan Tg Rhu.

Lain-Lain Aktiviti Standco Pendidikan Negeri

• 2 Januari 2025, Kota Bharu, Kelantan

1. PROGRAM SANTAI YAB DATO' MENTERI BESAR BERSAMA MAHASISWA SELANGOR UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN





• 10 Januari 2025, Ibupejabat JKR Selangor

2. MESYUARAT PENYELARASAN PROJEK BAIK PULIH ASRAMA YAYASAN SELANGOR KLANG





• 20 Januari 2025, IPG Bangi

3. KUNJUNGAN HORMAT KE INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS PENDIDIKAN ISLAM, BANGI





• 24 Januari 2025

4. JERAYAWARA PENDIDIK MUDA #KITASELANGOR 2025, INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS PENDIDIKAN ISLAM, BANGI





• 24 Januari 2025, Kajang

5. PROGRAM MOTIVASI CALON SIJIL PELAJARAN MALAYSIA SMKA MAAHAD HAMIDIAH, KAJANG





• 4 Februari 2025, Shah Alam

6. MESYUARAT PENYELARASAN PROGRAM SELANGOR INTERNSHIP STUDENT PROGRAMME (SISPRO)





• 18 Februari 2025, Shah Alam

7. PROGRAM KUNJUNGAN HORMAT PERSTUAN MAHASISWA SELANGOR (PERMAS) NASIONAL KE KEDIAMAN YAB DATO' MENTERI BESAR





• 21 Februari 2025, Klang


8. LAWATAN TAPAK JKR SELANGOR KE ASRAMA YAYASAN SELANGOR KLANG



• 17 Mac 2025, Shah Alam

9. PROGRAM BERBUKA PUASA MAHASISWA SELANGOR BERSAMA KERAJAAN NEGERI SELANGOR





• 4 April 2025, Shah Alam

10. PROGRAM MAHASISWA PULANG KE KAMPUS





• 8 April 2025, Tg Malim

11. KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR, UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS







• 11 April 2025, Subang

12. PROGRAM SUMBANGAN KEPADA MAHASISWA YANG TERKESAN INSIDEN PUTRA HEIGHTS





• 18 April 2025, Tg Malim

13. JERAYAWARA SISWA #KITASELANGOR, UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS





• 15 Mei 2025, Kajang

14. PERASMIAN HARI BELIA DAERAH HULU LANGAT







• 18 Mei 2025, Kota Samarahan

15. DIALOG SANTAI ANAK SELANGOR BERSAMA DATO' SERI AMIRUDIN SHARI EDISI UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK





• 21 Mei 2025, Bangi

16. KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT PENGARAH INSTITUT PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN INKLUSIF MALAYSIA (MINDA), UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA





• 17 Julai 2025, Cyberjaya

17. KUNJUNGAN HORMAT DAN SESI PERBINCANGAN PROGRAM BAUCAR BUKU SISWA #KITASELANGOR BERSAMA PERBADANAN KOTA BUKU



• 24 Julai 2025, SMK Bandar Seri Putra

18. PROGRAM LEDAKAN PRESTASI PELAJAR SEKOLAH ANGKAT YAYASAN SELANGOR





• 25 Julai 2025, SMK Jalan 3, Bangi

19. PROGRAM LEDAKAN PRESTASI PELAJAR SEKOLAH ANGKAT YAYASAN SELANGOR





• 26 Julai 2025, Hulu Selangor

20. KEM REHLAH SPM ASRAMA YAYASAN SELANGOR KLANG







• 1 Ogos 2025, Shah Alam

21. LAWATAN PENANDA ARAS KE YAYASAN MBI







• 8 Ogos 2025, Klang

22. MESYUARAT PENYELARASAN ORGANISASI ASRAMA YAYASAN SELANGOR KLANG





• 9 Ogos 2025, Sabak Bernam

23. BENGKEL AKADEMIK SPM, ASRAMA YAYASAN SELANGOR SABAK BERNAM





• 10 Ogos 2025, Sabak Bernam

24. REHLAH SPM, ASRAMA YAYASAN SELANGOR SABAK BERNAM





• 11 Ogos 2025, SMK Pandan Indah

25. PROGRAM LEDAKAN PRESTASI PELAJAR SEKOLAH ANGKAT YAYASAN SELANGOR





• 19 Ogos 2025, Petaling Jaya

26. SESI LIBAT URUS KOLABORASI PROGRAM YAYASAN SELANGOR DAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR



• 23 Ogos 2025, Sabak Bernam

27. PROGRAM CEGAH BULI, ASRAMA YAYASAN SELANGOR SABAK BERNAM





• 29 Ogos 2025, Janda Baik

28. KEM HALA TUJU PELAJAR ACCA SELANGOR , YAYASAN SELANGOR DAN TYMBA INSTITUTION





• 4 September 2025, Universiti Islam Selangor (UIS)

29. MESYUARAT URUSETIA GERAN PENYELIDIKAN SELANGOR





• 14 September 2025, UiTM Dengkil

30. KEM PRESTASI SPM SMK BANDAR RINCHING





• 20 September 2025, Menara Yayasan Selangor

31. HUB MAHASISWA: CEO OF CAMPUS





• 23 September 2025, PPAS Kota Damansara

32. LAWATAN PENANDA ARAS BERSAMA PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SELANGOR



• 28 September 2025, Klang

34. BENGKEL PEMERKASAAN SUBJEK SPM, ASRAMA YAYASAN KLANG





• 30 September 2025, UiTM Puncak Alam

35. JERAYAWARA SISWA #KITASELANGOR : BICARA TOKOH





• 1 Oktober 2025, Menara Yayasan Selangor

36. HUB MAHASISWA : TRAINING OF TRAINERS







• 1 Oktober 2025, Menara Yayasan Selangor

37. KUNJUNGAN HORMAT PENGURUSAN UNIVERSITI ISLAM SELANGOR





• 2 Oktober 2025, Menara Yayasan Selangor

38. SESI PENYELARASAN PROGRAM YAYASAN SELANGOR BERSAMA UNIVERSITI ISLAM SELANGOR




• 9 Oktober 2025, Wisma NUTP

39. BENGKEL PEMBINAAN MODUL STPM SELANGOR BERSAMA JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR




• 11 Oktober 2025, Kuala Langat, Hulu langat, Sabak Bernam, Kuala Selangor dan Petaling

40. SEMINAR SKOR A+ SIRI 1






• 12 Oktober 2025, Universiti Selangor

41. KUNJUNGAN HORMAT DAN PERBINCANGAN PROGRAM BERSAMA PENGURUSAN UNIVERSITI SELANGOR






• 15 Oktober 2025, SMK Bandar Baru Banting

42. PROGRAM LEDAKAN PRESTASI PELAJAR SEKOLAH ANGKAT YAYASAN SELANGOR





• 22 Oktober 2025, Pustaka Raja Tun Uda

43. FORUM REFORMASI PENDIDIKAN SELANGOR







• 25 Oktober 2025, SM Setia Budi Gombak

44. SEMINAR SKOR A+ SPM SIRI 2





• 27 Oktober 2025, Pustaka Raja Tun Uda

45. SEMINAR INTERVENSI SUBJEK STPM SELANGOR







• 27 Oktober 2025, Pustaka Raja Tun Uda

46. MESYUARAT PENYELARASAN KE-2 GERAN PENYELIDIKAN NEGERI SELANGOR





• 1-2 November 2025, Akademi Kenegaraan Meru

47. KEM GENERASI TINGKATAN 1 #ANAKSELANGOR





• 3-5 November 2025, Akademi Kenegaraan Tg Rhu

48. KEM SISWA #KITASELANGOR






• 10 November 2025, Universiti Islam Selangor

49. MESYUARAT PENYELARASAN KE 3 GERAN PENYELIDIKAN NEGERI SELANGOR





• 12 November 2025, Asrama Yayasan Selangor Klang

50. LAWATAN TAPAK PROJEK BAIK PULIH ASRAMA YAYASAN SELANGOR KLANG





• 17 November 2025, Menara Yayasan Selangor

51. HUB MAHASISWA : SIDANG KEPIMPINAN MAHASISWA SELANGOR UTHM





• 17 November 2025, Menara Yayasan Selangor

52. HUB MAHASISWA : SIDANG KEPIMPINAN MAHASISWA SELANGOR UTHM





• 22 November 2025, Asrama Yayasan Selangor Sabak Bernam

53. SUKAN MUHIBBAH AYSSB DAN KOLEJ KOMUNITI SABAK BERNAM





Jumlah Peruntukan Kerajaan Negeri Program Standco Pendidikan Yayasan Selangor

Bil	Program	Peruntukan
1.	Program e-Baucar Buku Siswa #KitaSelangor	400,000.00
2.	Program Selangor Internship Student Programme (SISPRO)	300,000.00
3.	Jerayawara Siswa Kita Selangor	200,000.00
4.	Geran Penyelidikan Negeri Selangor	200,000.00
5.	Kerja-Kerja Menaik Taraf Kemudahan Asrama Yayasan Selangor Klang	1,216,622.00
6.	Konferensi Pendidikan Madani Selangor	400,000.00

BAHAGIAN PENGURUSAN OPERASI PENDIDIKAN (BPOP)

1. SENARAI PERKHIDMATAN PERINGKAT SEKOLAH

Bil.	Teras	Justifikasi
1.	Program Rancangan Khas Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Kerjasama Yayasan Selangor (RKPYS – KPM)	▪ Penempatan pelajar menengah di Asrama Pusat dan Asrama Daerah di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sejak tahun 1971. ▪ Pengambilan Tingkatan 1 SERAP RKPYS (Sekolah Aliran Agama Dan Sekolah Harian) ▪ Pengambilan Tingkatan 1 HUFFAZ RKPYS (Sekolah Aliran Agama) ▪ Pengambilan Tingkatan 1 RKPYS BAKAT - Kriket (Tajaan program bagi meraikan bakat pelajar dalam bidang sukan. Pencapaian pelajar bukan sahaja diukur mengikut pencapaian akademik tetapi hasil selepas tamat pengajian) ▪ Memberi peluang pendidikan kepada pelajar yang berpotensi dari kalangan keluarga berpendapatan sederhana dan rendah. ▪ Kelebihan Pelajar Tajaan Yayasan Selangor: i. Ditempatkan di sekolah terpilih ii. Pemberian biasiswa kepada pelajar iii. Biasiswa Kecil (RM700 Setahun) iv. Biasiswa Khas (RM1,000 Setahun) v. Program Akademik (Kelas Bimbingan/ Bengkel/Seminar Peperiksaan) vi. Program Bukan Akademik (Kerohanian, Kepimpinan, Jati Diri, Sukan, Rekreasi, Karya Penulisan)


2.	Program High Potential Students (HIPERS)	▪ Penajaan pelajar di sekolah menengah dan rendah terpilih di negeri Selangor untuk lonjakan pencapaian akademik. i. Pengambilan pelajar Tahun 4, 5 dan 6 Program HIPERS Sekolah Rendah ii. Pengambilan pelajar Tingkatan 4 dan 5 Program HIPERS Sekolah Menengah ▪ Program ini memberi impak positif kepada pelajar dan sekolah dan seterusnya menaikkan pencapaian sekolah.
3.	Pengambilan Pelajar Tingkatan 4 Program BITARA - Kolej Yayasan Saad (KYS)	▪ Program BITARA merupakan program yang dilaksanakan sejak 2021 dengan kerjasama di antara Yayasan Selangor dan Kolej Yayasan Saad (KYS) bermatlamat untuk melahirkan pelajar cemerlang dan kompetitif dalam memenuhi pasaran pekerjaan. Pengambilan melibatkan murid tajaan Yayasan Selangor bermula dari tingkatan 4.
4.	Pengambilan Pelajar Tingkatan 1 Program BITARA - Maktab Rendah Sains MARA (MRSM)	▪ Program tajaan kepada pelajar kelahiran negeri Selangor yang berada di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) terpilih dan tajaan disalurkan sepanjang tempoh pengajian selama 5 tahun bermula tingkatan 1 hingga tingkatan 5.
5.	Program Tingkatan Enam Yayasan Selangor (PTEYS)	▪ Kerjasama di antara Yayasan Selangor dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS). Objektif program adalah untuk membantu melonjakkan pencapaian keputusan peperiksaan STPM negeri Selangor. Pelajar menerima kemudahan kelas bimbingan, seminar dan program pembangunan diri selain dari biasiswa.
6.	Program Tajaan CSR	▪ Memberikan bantuan pendidikan kepada pelajar terpilih melalui tajaan (CSR). ▪ Memberi bantuan kepada sekolah – sekolah yang terpilih.

2. ENROLMEN MURID TAJAAN TAHUN 2025

BIL	SEKOLAH	SEKOLAH RENDAH												SEKOLAH MENENGAH / KOLEJ										TOTAL		TOTAL
		DARJAH 1		DARJAH 2		DARJAH 3		DARJAH 4		DARJAH 5		DARJAH 6		TING. 1		TING. 2		TING. 3		TING. 4		TING. 5		TING. 6				
		L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	
1	ASRAMA PUSAT	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	54	29	55	28	58	30	33	8	36	20	0	0	236	115	351
2	ASRAMA DAERAH	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	92	138	71	104	74	104	54	71	35	61	0	0	326	478	804
3	ASRAMA ALIRAN AGAMA	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	207	222	189	210	177	201	137	153	147	146	0	0	857	932	1789
4	SEKOLAH HARIAN	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	17	27	18	35	35	61	21	29	12	28	0	0	103	180	283
5	HIPERS (RENDAH)	0	0	0	0	0	0	117	124	106	149	131	148	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	354	421	775
6	HIPERS (MENENGAH)	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	76	154	81	216	0	0	157	370	527
7	TINGKATAN 6 (F6)	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	100	380	100	380	480
8	PROGRAM BUDI YS - MARA	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	5	4	5	4	5	8	12	11	0	0	27	27	54
9	KOLEJ YAYASAN SAAD	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	2	2	1	0	0	3	3	6
	JUMLAH	0	0	0	0	0	0	117	124	106	149	131	148	370	416	338	381	349	400	327	425	325	483	100	380	2163	2906	5069
		0		0		0		241		255		279		786		719		749		752		808		480		5069		5069

3. RANCANGAN KHAS PENDIDIKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA DENGAN KERJASAMA YAYASAN SELANGOR

ASRAMA PUSAT



ASRAMA DAERAH

BIL	ASRAMA DAERAH	JUMLAH
1	SMK BAGAN TERAP	69
2	SMK BANTING	46
3	SMK BUKIT CHANGGANG	42
4	SMK DAMANSARA UTAMA	26
5	SMK DATO' HARUN	46
6	SMK DATO' MUSTAFFA	30
7	SMK JALAN TIGA	41
8	SMK KUALA KUBU BHARU	37
9	SMK MUNSHI ABDULLAH	59
10	SMK PENGKALAN PERMATANG	32
11	SMK SERI SEPANG	50
12	SMK SHAH ALAM	30
13	SMK SULTAN ABDUL AZIZ SHAH	43
14	SMK SUNGAI BESAR	52
15	SMK TELOK PANGLIMA GARANG	47
16	SMK TINGGI KAJANG	24
17	SMK UNGKU AZIZ (PELAJAR PEREMPUAN)	63
18	SMK AMINUDDIN BAKI	40
19	VICTORIA INSTITUTION	27
	JUMLAH	**804**

ASRAMA ALIRAN AGAMA

BIL	MITS / SAM	JUMLAH
1	MITS KLANG	243
2	MITS KUALA LANGAT	229
3	MITS SABAK BERNAM	141
4	MITS SEPANG	121
5	SAM BANDAR BARU SALAK TINGGI	40
6	SAM BESTARI	149
7	SAM HULU LANGAT BATU 10	41
8	SAM JERAM	75
9	SAM MUHAMMADIAH PEKAN SABAK	116
10	SAM RAWANG	41
11	SAM SULTAN HISAMUDDIN	47
12	SAM SUNGAI MERAB LUAR	62
13	SAM SUNGAI SELISEK	52
14	SAM TANJONG KARANG	84
15	SAM TENGKU AMPUAH JEMAAH (PELAJAR PEREMPUAN)	26
16	SAM UNWANUS SAADAH	51
17	SAMT KUALA KUBU BHARU	9
18	SAMT SULTAN HISAMUDDIN	86
19	SAMT SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH	64
20	SAMT TENGKU AMPUAN JEMAAH	58
21	SAMT TENGKU AMPUAN RAHIMAH	54
JUMLAH		**1,789**

SEKOLAH HARIAN

BIL	SEKOLAH	JUMLAH
1	SMK (L) BUKIT BINTANG	13
2	SMK (P) ASSUNTA	33
3	SMK (P) SRI AMAN	24
4	SMK AMPANG PECHAH	52
5	SMK JALAN EMPAT	33
6	SMK SERI BEDENA	7
7	SMK SERI GARING	49
8	SMK TIRAM JAYA	57
9	SMK SENTUL UTAMA	4
10	SMK (P) JALAN IPOH	11
JUMLAH		**283**
JUMLAH KESELURUHAN PELAJAR RKPYS		**3,227**

PROGRAM 'HIGH POTENTIAL STUDENTS' (HIPERS)

SEKOLAH MENENGAH

BIL	SEKOLAH	JUMLAH
1	SMK BANDAR RINCHING	54
2	SMK BANDAR SAUJANA UTAMA	35
3	SMK BANDAR TASIK PUTERI	17
4	SMK BUKIT GADING	52
5	SMK DAMANSARA DAMAI 1	20
5	SMK KHIR JOHARI	71
7	SMK SERI DESA	24
8	SMK SERI KERAMAT	36
9	SMK SUNGAI BURONG	57
10	SMK TAMAN DATO HARUN	31
11	SMK TAMAN MEDAN	78
12	SMK TASEK PERMAI	17
13	SMK TUN PERAK	35
JUMLAH		**527**

SEKOLAH RENDAH

BIL	SEKOLAH	JUMLAH
1	SJK (T) METHODIST KAPAR	75
2	SK BANDAR BUKIT MAHKOTA	83
3	SK DATO MAHARAJA LELA	75
4	SK KLANG	19
5	SK PELABUHAN KLANG	56
6	SK SAWAH SEMPADAN	82
7	SK SUNGAI SERDANG	89
8	SK TAMAN BUNGA RAYA 1	85
9	SRAI BANDAR BARU BANGI	83
10	SRAI SG CHINCHIN	93
11	SRAI TAMAN KERAMAT	35
JUMLAH		**775**
JUMLAH KESELURUHAN PELAJAR HIPERS		**1,302**

PROGRAM TINGKATAN ENAM (PTEYS)

BIL	KOLEJ TINGKATAN ENAM / PUSAT TINGKATAN ENAM	JUMLAH
1	KTE (PRAUNIVERSITI) KPM BANDAR UTAMA	41
2	KTE (PRAUNIVERSITI) KPM PETALING JAYA	54
3	KTE (PRAUNIVERSITI) KPM PUCHONG	17
4	KTE (PRAUNIVERSITI) KPM SHAH ALAM	39
5	KTE (PRAUNIVERSITI) KPM SRI ISTANA	55
5	KTE (PRAUNIVERSITI) KPM SULTAN ABDUL AZIZ	73
7	KTE (PRAUNIVERSITI) KPM TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA	66
8	SMK KUALA KUBU BHARU	44
9	SMK SERI GARING	29
10	SMK SULTAN ABDUL AZIZ SHAH	31
11	SMK TELOK DATOK	31
JUMLAH KESELURUHAN		**480**

PROGRAM BITARA – PROGRAM BUDI MARA – YS

BIL	MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM)	JUMLAH
1	MRSM ARAU	1
2	MRSM BAGAN DATUK	4
3	MRSM BENTONG	1
4	MRSM BESERI	1
5	MRSM FELDA TROLAK	3
6	MRSM GEMENCHEH	1
7	MRSM KUALA KRAI	1
8	MRSM KUALA KUBU BHARU	2
9	MRSM LENGGONG	6
10	MRSM PARIT	4
11	MRSM PASIR SALAK	3
12	MRSM PENGKALAN HULU	4
13	MRSM SERTING	7
14	MRSM SULTAN AZLAN SHAH	7
15	MRSM SUNGAI BESAR	4
16	MRSM TERENDAK	4
17	MRSM TUMPAT	1
JUMLAH KESELURUHAN		**54**

PROGRAM BITARA – KOLEJ YAYASAN SAAD MELAKA


BIL	SEKOLAH	JUMLAH
1	KOLEJ YAYASAN SAAD	6
	JUMLAH KESELURUHAN	**6**

JUMLAH KESELURUHAN MURID TAJAAN YAYASAN SELANGOR TAHUN 2025

BIL	SEKOLAH	JUMLAH
1	RKPYS	3227
2	HIPERS SEKOLAH RENDAH	775
3	HIPERS SEKOLAH MENENGAH	527
4	PROGRAM TINGKATAN 6 (PTEYS)	480
5	PROGRAM BITARA – BUDI MARA YS	54
6	PROGRAM BITARA – KOLEJ YAYASAN SAAD	6
	JUMLAH KESELURUHAN	**5,069**

PERBANDINGAN JUMLAH PELAJAR TAJAAN TAHUN 2021 HINGGA 2025

		BILANGAN MURID				
BIL	JENIS PROGRAM	2021	2022	2023	2024	2025
1	RKPYS	3113	3152	2983	3254	3227
2	HIPERS SEKOLAH RENDAH	589	798	946	764	775
3	HIPERS SEKOLAH MENENGAH	133	388	375	549	527
4	PROGRAM TINGKATAN 6 (PTEYS)	275	464	467	442	480
5	PROGRAM BITARA – BUDI MARA YS	28	43	50	54	54
6	PROGRAM BITARA – KOLEJ YAYASAN SAAD	-	3	7	7	6
	JUMLAH KESELURUHAN	**4,138**	**4,848**	**4,828**	**5,070**	**5,069**



4. PROGRAM PENDIDIKAN TAHUN 2025

Bil	PROGRAM / AKTIVITI	KATEGORI	TAHUN 2025			CATATAN
			PERUNTUKAN BELANJAWAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	BIL. PENERIMA MANFAAT	
1	Pengambilan RKPYS & SERAP	Kakitangan Bahagian	5,000.00	6,720.00	N/A	-
2	Hipers Ren/ Men (Progam / Aktiviti)	Tahun 4 - 6 & Tingkatan 4 - 5	100,000.00	14,090.00	217	-
3	Kem Generasi Yayasan Selangor - KEMGENYS	Tingkatan 1	100,000.00	46,878.00	211	1. Program pendidikan berbentuk bukan akademik yang dijalankan dilokasi terpilih (camp-site) ini bermanfaat membantu meningkatkan imej Yayasan Selangor melalui pemerkasaan pelajar keluaran Yayasan Selangor jangka masa panjang bukan sahaja melahirkan calon – calon pelajar bijak pandai dari segi pencapian akademik malah membentuk pelajar seimbang dari aspek rohani dan jasmani. 2. Yayasan Selangor akan bekerjasama dengan institusi terpilih dan berwibawa dengan tujuan memberi pengalaman luar bilik darjah kepada pelajar.
4	Bengkel Lonjakan Akademik - Seminar SPM Skor A+ Murid Program RKPYS & HIPERS	Tingkatan 5	200,000.00	115,248.99	1140	Penekanan teknik jawab soalan berformat SPM dan pendedahan kepada skema pemarkahan oleh guru pakar mata pelajaran, pembuat soalan dan pemeriksa kertas soalan.
5	Bengkel Pengurusan Murid Tajaan Yayasan Selangor	Guru Penyelaras	45,000.00	42,310.40	95	Melengkapkan guru penyelaras dengan pengetahuan termasuk tugas dan tanggungjawab berkaitan pelaksanaan proses kerja program – program pendidikan di bawah kelolaan Yayasan Selangor selain memastikan pengurusan pelajar tajaan lebih tersusun dan bersistematik.
6	Kem Jati Diri	Tingkatan 2	50,000.00	24,636.00	125	Menyediakan dan melengkapkan pelajar dengan: 1. Sahsiah & Jati Diri - Membina keyakinan, disiplin, tanggungjawab dan integriti pelajar. 2. Sosial & Emosi - Meningkatkan komunikasi berkesan, kerjasama dan semangat berpasukan selaian mengawal emosi serta empati. 3. Kepimpinan - Melatih pelajar membuat keputusan secara beretika dan menerapkan ciri kepimpinan pelajar selain membangun sikap proaktif dan bertanggungjawab. 4. Yayasan Selangor akan bekerjasama dengan institusi terpilih dan berwibawa dengan tujuan memberi pengalaman luar bilik darjah kepada pelajar.

7	Bengkel Intervensi Mata Pelajaran Fokus STPM Negeri Selangor	Tingkatan 6	100,000.00	16,591.00	512	1. Pelajar - Penekanan teknik jawab soalan berformat STPM dan pendedahan kepada skema pemarkahan oleh guru pakar mata pelajaran, pembuat soalan dan pemeriksa kertas soalan.
8	Pengambilan Murid Program BITARA - KYS (Yuran & Lain - Lain)	Tingkatan 4 - 5	200,000.00	232,728.20	6	1. Pelajar YS yang ditaja menyambung pelajaran di Kolej Yayasan Saad Melaka akan menikmati suasana pembelajaran dan persekitaran yang lebih kondusif serta membantu mereka dari sudut pembinaan sahsiah, kepimpinan, spiritual dan intelektual. 2. Mereka juga merupakan feeder kepada Program BITARA di peringkat kerajaan negeri seiring dengan pemilihan YS sebagai lead agency bagi pendidikan negeri Selangor. 3. Bantuan kewangan kepada pelajar KYS berbentuk pembiayaan yuran tahunan dan program - program.
9	Pengambilan Murid Program BUDI MARA (Yuran & Lain - Lain)	Tingkatan 1 - 5	300,000.00	221,502.00	49	1. Program BUDI YS - MARA merupakan future leaders incubator programme - program yang direncanakan untuk melahirkan generasi bakal pemimpin di masa hadapan. Sasaran adalah pelajar-pelajar kelahiran Selangor yang cemerlang dari keluarga berpendapatan rendah (B40). 2. Pelajar yang terpilih berpeluang untuk meneruskan persekolahan di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) di seluruh negara. Mereka dapat menikmati iklim pembelajaran yang baik serta teknologi yang terkehadapan serta membantu membangunkan jati diri, kepimpinan, sahsiah, rohani dan intelektual. 3. Bantuan kewangan kepada pelajar MRSM berbentuk pembiayaan yuran tahunan.
JUMLAH			**1,160,000.00**	**720,704.59**	**2355**	

1. 298 MURID TINGKATAN 1 TERIMA TAWARAN KE PROGRAM RKPYS 2025 (PENDIDIKAN)

Seramai 298 murid Tingkatan 1 daripada keseluruhan 423 tawaran kemasukan mendaftar untuk mengikuti Rancangan Khas Pendidikan Yayasan Selangor (RKPYS) sesi 2025/2026, sekali gus meneruskan komitmen Yayasan Selangor dalam menyediakan akses pendidikan berkualiti kepada anak-anak daripada keluarga berpendapatan rendah di negeri ini.

Pemilihan murid dibuat berdasarkan kriteria yang ditetapkan, iaitu berasal daripada keluarga dengan pendapatan per kapita kurang daripada RM2,000 serta memperoleh sekurang-kurangnya Tahap Penguasaan 3 (TP3) bagi semua mata pelajaran dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Tahun 6. Inisiatif ini bertujuan memastikan pelajar yang berpotensi terus mendapat peluang pendidikan terbaik tanpa dibatasi oleh faktor sosioekonomi.

Bagi sesi pengambilan kali ini, Yayasan Selangor menerima 3,076 permohonan, sekali gus mencerminkan keyakinan tinggi masyarakat terhadap program pendidikan yang ditawarkan. Daripada jumlah tersebut, seramai 423 murid telah ditawarkan tempat, dengan 298 murid mengesahkan pendaftaran bagi sesi persekolahan 2025/2026.

Murid-murid yang terpilih ditempatkan di 27 buah sekolah di bawah tajaan Yayasan Selangor yang melibatkan sekolah-sekolah sekitar Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, antaranya SMK Jalan Tiga Bangi, SMK Aminuddin Baki Kuala Lumpur dan Victoria Institution Kuala Lumpur. Mereka turut ditempatkan di Asrama Pusat Yayasan Selangor Klang dan Asrama Yayasan Selangor Sabak Bernam bagi memastikan kebajikan serta keperluan pembelajaran mereka sentiasa terpelihara.

Pendaftaran asrama telah dilaksanakan pada 13 dan 16 Februari 2025, manakala sesi persekolahan bermula pada 17 Februari 2025. Program RKPYS terus menjadi antara inisiatif utama Yayasan Selangor dalam memperkasa pendidikan anak negeri melalui penyediaan peluang pembelajaran yang berkualiti, kondusif dan inklusif, selaras dengan aspirasi melahirkan modal insan yang cemerlang dan berdaya saing.








2. PROGRAM SAHSIAH RKPYS TINGKATAN 1 DAN 2 PERKASA POTENSI DAN JALIN SEMANGAT KEBERSAMAAN (PENDIDIKAN)

Seramai 185 pelajar Tingkatan 1 dan Tingkatan 2 daripada sekolah tajaan Program Rancangan Khas Pendidikan Yayasan Selangor (RKPYS) menyertai Program Pembangunan Sahsiah Pelajar yang dianjurkan oleh Unit Hal Ehwal Pelajar Yayasan Selangor dengan kerjasama Exact Ventures, sebagai usaha memperkukuh pembentukan jati diri dan kepimpinan dalam kalangan pelajar tajaan.

Program selama dua hari itu menghimpunkan 96 pelajar Tingkatan 1 daripada sembilan buah sekolah serta 89 pelajar Tingkatan 2 daripada lima buah sekolah, dengan objektif membentuk sahsiah unggul, meningkatkan keyakinan diri serta memupuk semangat kerjasama dan kepimpinan dalam kalangan peserta melalui pendekatan pembelajaran secara pengalaman.

Sepanjang program berlangsung, peserta mengikuti pelbagai aktiviti interaktif seperti Ice Breaking and Mind Setting, Floating Brick, Sinergi Alam dan My Miracle yang dirangka bagi membina semangat kerja berpasukan, meningkatkan kemahiran komunikasi, mengukuhkan keyakinan diri serta menyemai nilai kekeluargaan, kebersamaan dan saling menghormati.

Program ini bukan sahaja memberi ruang kepada pelajar untuk mengenali potensi diri, malah membantu membentuk karakter yang lebih positif melalui cabaran berkumpulan dan aktiviti yang menekankan disiplin, kepimpinan serta penyelesaian masalah secara kreatif.

Komitmen dan penyertaan aktif yang ditunjukkan oleh para peserta sepanjang program membuktikan keberkesanan pendekatan pembangunan sahsiah yang dilaksanakan. Yayasan Selangor berharap pengalaman yang diperoleh dapat menjadi asas kukuh dalam melahirkan generasi pelajar tajaan yang berdaya saing, berdisiplin, berakhlak mulia serta mampu menjadi pemimpin masa depan yang cemerlang dan berintegriti.







3. BENGKEL PENGURUSAN MURID TAJAAN YAYASAN SELANGOR 2025 PERKUKUH KUALITI PENGURUSAN PROGRAM PENDIDIKAN

Dalam usaha memastikan pengurusan program pendidikan tajaan dilaksanakan secara lebih sistematik, berkesan dan selaras dengan aspirasi pembangunan modal insan negeri, Yayasan Selangor menganjurkan Bengkel Pengurusan Murid Tajaan Yayasan Selangor 2025 yang menghimpunkan guru-guru penyelaras daripada sekolah-sekolah tajaan di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Bengkel yang berlangsung di Hotel Wyndham Grand, Bangsar itu melibatkan penyertaan 92 guru penyelaras dan dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor, YM Raja Nazirin Shah Raja Mohamad. Turut hadir ialah pegawai kanan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Penganjuran bengkel ini menjadi platform strategik bagi memperkukuh kerjasama antara Yayasan Selangor dan guru-guru penyelaras melalui sesi perbincangan, perkongsian pengalaman serta penyelarasan pelaksanaan program-program pendidikan tajaan agar dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan sistematik.

Selain menjadi medan bertukar pandangan, bengkel ini turut memberi ruang untuk menilai keberkesanan pelaksanaan program sedia ada serta mengenal pasti peluang penambahbaikan bagi memastikan kebajikan, pencapaian akademik dan pembangunan sahsiah murid tajaan terus diperkasakan.

Antara program utama yang dibincangkan ialah Rancangan Khas Pendidikan Yayasan Selangor (RKPYS), High Potential Students (HIPERS) dan Program Tingkatan Enam Yayasan Selangor (PTEYS) yang menjadi antara inisiatif penting Yayasan Selangor dalam menyediakan akses pendidikan berkualiti dan membangunkan potensi pelajar secara menyeluruh.

Melalui bengkel ini, Yayasan Selangor berharap jalinan kerjasama erat antara institusi pendidikan dan agensi berkaitan dapat terus diperkukuh bagi memastikan setiap program tajaan dilaksanakan secara efektif, sekali gus melahirkan generasi pelajar yang cemerlang, berdaya saing dan berakhlak mulia.











4. SEMINAR SKOR A+ SPM 2025 PERKASA PERSEDIAAN AKADEMIK 2,000 CALON SPM

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan memperkukuh pembangunan modal insan dan meningkatkan kecemerlangan akademik pelajar, Yayasan Selangor dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) menganjurkan Seminar Skor A+ SPM 2025, yang menghimpunkan 2,000 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari seluruh negeri Selangor.

Program yang berlangsung pada 25 Oktober 2025 di Sekolah Menengah Setia Budi, Gombak itu diadakan sebagai inisiatif persediaan akhir menjelang peperiksaan SPM yang bermula pada 4 November 2025, dengan memberi penekanan kepada penguasaan teknik pembelajaran, pengurusan emosi dan pembinaan motivasi diri dalam kalangan pelajar.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, yang menegaskan komitmen Kerajaan Negeri dalam melahirkan modal insan yang berilmu, berdaya saing, berintegriti dan mampu menyumbang kepada pembangunan negeri serta negara pada masa hadapan.

Seminar ini menjadi platform kepada para pelajar untuk memperoleh pendedahan mengenai strategi pembelajaran yang lebih efektif, teknik menjawab peperiksaan serta suntikan motivasi bagi meningkatkan keyakinan diri dalam menghadapi peperiksaan penting tersebut. Pengisian yang disediakan turut membantu pelajar membina fokus, disiplin dan semangat untuk mencapai kecemerlangan akademik.

Yayasan Selangor percaya bahawa setiap usaha, pengorbanan dan doa yang dicurahkan oleh para pelajar merupakan asas kepada kejayaan masa depan. Dengan sokongan berterusan daripada ibu bapa, guru serta seluruh warga pendidikan, Seminar Skor A+ SPM 2025 diharapkan menjadi pemangkin kepada lahirnya lebih ramai anak Selangor yang cemerlang, berdaya tahan dan mampu mengharumkan nama negeri di peringkat yang lebih tinggi.









5. KOLABORASI STRATEGIK YAYASAN SELANGOR DAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR PERKUKUH AGENDA KECEMERLANGAN AKADEMIK (PENDIDIKAN)

Yayasan Selangor dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPN Selangor) terus memperkukuh kerjasama strategik dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan negeri menerusi pelaksanaan pelbagai inisiatif akademik yang memberi manfaat kepada guru dan pelajar, khususnya di peringkat Tingkatan Enam serta calon peperiksaan awam.

Antara inisiatif utama yang dibincangkan ialah pelaksanaan Modul ELITES, Bengkel Intervensi Mata Pelajaran Fokus STPM, Bengkel Profesionalisme Guru STPM serta Seminar Skor A+ SPM 2025 #AnakSelangor, yang dirangka bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, memperkukuh kompetensi guru serta membantu pelajar mencapai kecemerlangan akademik.

Pelaksanaan program-program ini mencerminkan komitmen kedua-dua pihak dalam memperkasa ekosistem pendidikan melalui pendekatan kolaboratif yang memberi penekanan kepada pembangunan modal insan, inovasi pendidikan dan peningkatan prestasi pelajar secara menyeluruh.

Kerjasama erat antara Yayasan Selangor dan JPN Selangor diharap dapat terus memperluas akses kepada pendidikan berkualiti, memperkukuh budaya kecemerlangan dalam institusi pendidikan serta melahirkan generasi pelajar yang berilmu, berdaya saing, berkemahiran tinggi dan berakhlak mulia selaras dengan aspirasi pembangunan pendidikan negeri Selangor.



6. BENGKEL INTERVENSI STPM PERKASA KECEMERLANGAN MURID TINGKATAN ENAM SELANGOR (PENDIDIKAN)

Dalam usaha memperkasakan pendidikan prauniversiti dan meningkatkan kecemerlangan akademik pelajar Tingkatan Enam, Yayasan Selangor dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) menganjurkan Bengkel Intervensi Murid Fokus STPM Siri 1 dan Siri 2 Negeri Selangor Tahun 2025, yang melibatkan hampir 500 pelajar daripada 64 buah sekolah di seluruh negeri Selangor.

Program ini dilaksanakan sebagai inisiatif persediaan akademik yang komprehensif bagi membantu pelajar menghadapi peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan lebih yakin, sistematik dan berkesan melalui pengukuhan penguasaan kandungan pembelajaran serta strategi menjawab peperiksaan.

Majlis penutup bengkel telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor, YM Raja Nazirin Shah Raja Mohamad, dan turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran JPNS Selangor, Puan Hanisah Mohd Ali, Pengarah Pendidikan Yayasan Selangor, Encik Muhamad Tassim Zainal, wakil Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) Selangor, serta pegawai-pegawai daripada Yayasan Selangor dan JPNS.

Sepanjang bengkel berlangsung, peserta diberikan pendedahan khusus terhadap tujuh mata pelajaran utama STPM dengan penekanan kepada penguasaan topik-topik kritikal, teknik menjawab soalan secara efektif serta strategi pembelajaran yang mampu meningkatkan prestasi peperiksaan.

Penganjuran bengkel ini mencerminkan komitmen berterusan Yayasan Selangor dalam memperkukuh pembangunan pendidikan prauniversiti melalui kerjasama strategik bersama JPNS, sekali gus memastikan pelajar Tingkatan Enam memperoleh sokongan akademik yang berkualiti dan bersedia menghadapi cabaran pendidikan di peringkat lebih tinggi.

Melalui inisiatif seperti ini, Yayasan Selangor berharap dapat melahirkan lebih ramai pelajar Tingkatan Enam yang cemerlang, berdaya saing, berfikiran kritis dan mampu menyumbang kepada pembangunan modal insan negeri serta negara pada masa hadapan.









7. TIGA PELAJAR TERIMA TAWARAN KE KOLEJ YAYASAN SAAD MELAKA MELALUI PROGRAM BITARA 2025 (PENDIDIKAN)

Melalui pengiktirafan terhadap kejayaan alumni, Yayasan Selangor berharap lebih ramai pelajar tajaan akan terdorong untuk mencapai prestasi terbaik dan seterusnya muncul sebagai pemimpin yang berwibawa serta mampu menyumbang kepada pembangunan negeri dan negara pada masa hadapan.





4. Yayasan Selangor dan Lembaga Zakat Selangor Teroka Kerjasama Strategik Dalam Memperkasa Pendidikan Anak-Anak Asnaf

Yayasan Selangor terus memperkukuh jaringan kerjasama strategik dalam usaha memperluaskan akses pendidikan berkualiti kepada golongan memerlukan menerusi kunjungan hormat ke Ibu Pejabat Lembaga Zakat Selangor (LZS), yang memberi tumpuan kepada pembangunan pendidikan anak-anak asnaf di negeri ini.

Delegasi Yayasan Selangor diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Zaini Sulaiman, manakala sesi perbincangan telah dipengerusikan oleh Ketua Divisyen Pembangunan Asnaf LZS, Encik Zulfirdaus Abu Hassan. Pertemuan tersebut menjadi platform untuk bertukar pandangan dan berkongsi idea bagi memperkukuh inisiatif pendidikan yang mampu memberi manfaat kepada pelajar daripada keluarga asnaf.

Perbincangan turut menyentuh usaha memperluaskan peluang pendidikan, memperkukuh sokongan akademik serta meningkatkan kebajikan pelajar asnaf agar mereka dapat menikmati akses pendidikan yang lebih berkualiti dan menyeluruh.

Yayasan Selangor menzahirkan komitmen untuk terus menjalinkan kerjasama erat bersama rakan strategik seperti LZS dalam memastikan tiada anak Selangor yang tercicir daripada arus pendidikan akibat kekangan ekonomi atau sosial.

Kerjasama strategik ini diharap dapat memberi impak positif kepada pembangunan modal insan negeri melalui pelaksanaan program pendidikan yang lebih inklusif, mampan dan berdaya saing, sekali gus menyokong aspirasi melahirkan generasi berilmu, berkemahiran dan mampu menyumbang kepada pembangunan Selangor pada masa hadapan.



5. Yayasan Selangor dan Yayasan Sarawak Bincang Kerjasama Strategik Pendidikan

Yayasan Selangor memperluaskan jaringan kerjasama strategik menerusi kunjungan hormat ke Pejabat Yayasan Sarawak di Kuala Lumpur sebagai usaha memperkukuh hubungan antara institusi dalam bidang pendidikan dan pembangunan modal insan.

Delegasi Yayasan Selangor diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Zaini Sulaiman, dan telah disambut oleh Pengarah Yayasan Sarawak, YBhg. Datu Haji Mersal Abang Rosli. Sesi perbincangan berlangsung dalam suasana mesra dan produktif dengan memberi tumpuan kepada perkongsian pengalaman, pertukaran pandangan serta penerokaan idea baharu berkaitan pembangunan pendidikan dan kebajikan pelajar.

Pertemuan tersebut turut membuka ruang kepada kedua-dua institusi untuk meneroka peluang kerjasama strategik yang mampu memberi manfaat kepada pelajar melalui pelaksanaan program pendidikan, pembangunan bakat dan pemerkasaan modal insan secara lebih menyeluruh.

Menurut Encik Zaini Sulaiman, hubungan baik yang terjalin antara Yayasan Selangor dan Yayasan Sarawak diharap dapat menjadi pemangkin kepada pelbagai inisiatif bersama yang mampu memperluaskan akses kepada pendidikan berkualiti serta memperkukuh pembangunan generasi muda di seluruh negara.

Melalui jalinan kerjasama ini, Yayasan Selangor berharap lebih banyak program berimpak tinggi dapat dilaksanakan pada masa hadapan bagi menyokong aspirasi nasional dalam melahirkan modal insan yang cemerlang, inklusif, berdaya saing dan mampu menyumbang kepada pembangunan negara.









6. Raja Nazirin Shah Dilantik Ketua Pegawai Eksekutif Baharu Yayasan Selangor

Yayasan Selangor mengumumkan pelantikan YM Raja Nazirin Shah Raja Mohamad sebagai Ketua Pegawai Eksekutif baharu, berkuat kuasa 3 Mac 2025, sekali gus membawa kepimpinan baharu dalam memperkukuh peranan Yayasan Selangor sebagai institusi peneraju pembangunan pendidikan dan modal insan di negeri Selangor.

Raja Nazirin memiliki kelulusan dalam Pengurusan Harta daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM), Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) daripada Management & Science University (MSU), selain mengikuti Pengajian Pengurusan dan Pentadbiran di Universiti Kagawa, Jepun, yang melengkapkan beliau dengan asas akademik serta perspektif pengurusan antarabangsa.

Beliau mempunyai pengalaman profesional melebihi 20 tahun dalam sektor hartanah dan korporat, termasuk pernah menyandang jawatan Ketua Pegawai Operasi dan Ketua Pegawai Eksekutif PNB Commercial Sdn. Bhd, Naib Presiden dan Ketua Komersial PNB Merdeka Ventures Sdn. Bhd, serta Ketua Pegawai Eksekutif AmFirst Real Estate Investment dan Damansara REIT Managers Sdn. Bhd.

Dengan pengalaman luas dalam pengurusan strategik, pembangunan aset dan sektor korporat, beliau diyakini mampu menerajui transformasi Yayasan Selangor ke arah organisasi yang lebih progresif, mampan dan berimpak tinggi dalam memperkasa agenda pendidikan negeri.

Di bawah kepimpinan beliau, Yayasan Selangor akan terus memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh penjenamaan organisasi, mengoptimumkan pembangunan aset dan hartanah, memperluaskan sumber pendapatan serta meningkatkan dana pendidikan bagi memastikan lebih ramai anak Selangor mendapat akses kepada peluang pendidikan yang berkualiti. Pelantikan ini diharap menjadi pemangkin kepada aspirasi Yayasan Selangor untuk terus melahirkan modal insan yang cemerlang, berdaya saing dan mampu menyumbang kepada pembangunan negeri serta negara.







7. Yayasan Selangor Erat Hubungan Komuniti Strata Gombak Sempena Aidiladha

Sempena sambutan Hari Raya Aidiladha 1446H, Yayasan Selangor terus memperkukuh peranannya dalam agenda kebajikan masyarakat menerusi penyertaan dalam Program Ibadah Korban bersama Komuniti Strata Parlimen Gombak yang berlangsung di Residensi Bestaria, Hulu Klang sebagai manifestasi semangat pengorbanan, keprihatinan dan kebersamaan.

Bagi menjayakan program tersebut, Yayasan Selangor telah menyumbangkan dua ekor lembu korban sebagai sebahagian daripada usaha menyantuni golongan yang memerlukan serta menghayati nilai-nilai murni yang menjadi teras sambutan Aidiladha.

Program ini turut diserikan dengan kehadiran YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, yang bersama-sama penduduk setempat menyertai aktiviti penyembelihan dan pengagihan daging korban dalam suasana penuh muhibah dan semangat kekitaan.

Penganjuran program ini berjaya menyemarakkan budaya gotong-royong, memperkukuh hubungan antara kerajaan negeri, agensi dan komuniti strata, di samping memupuk nilai perpaduan serta semangat saling membantu dalam kalangan masyarakat.

Melalui penyertaan dalam program seumpama ini, Yayasan Selangor terus komited melaksanakan inisiatif kebajikan yang memberi manfaat kepada golongan asnaf dan keluarga berpendapatan rendah, sekali gus menyokong agenda pembangunan komuniti yang inklusif, prihatin dan lestari demi kesejahteraan rakyat Selangor.









8. Yayasan Selangor Perkukuh Hubungan Strategik Bersama Kerajaan Negeri Selangor

Yayasan Selangor terus memperkukuh sinergi bersama Kerajaan Negeri Selangor melalui pertemuan rasmi antara Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor, YM Raja Nazirin Shah Raja Mohamad, dan YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, bagi membincangkan agenda pembangunan pendidikan serta hala tuju strategik Yayasan Selangor demi manfaat anak-anak Selangor.


Pertemuan yang berlangsung di kediaman rasmi Dato' Menteri Besar itu menjadi platform penting bagi membincangkan perancangan jangka panjang Yayasan Selangor dalam memperkasa agenda pendidikan negeri melalui pelaksanaan program-program yang inklusif, menyeluruh dan berimpak tinggi.

Antara perkara yang diberikan perhatian ialah usaha memperkukuh pembangunan pendidikan negeri, memperluas akses kepada pendidikan berkualiti, meningkatkan kebajikan pelajar serta memastikan setiap anak Selangor mendapat peluang pendidikan yang saksama tanpa mengira latar belakang sosioekonomi.

Perbincangan turut menyentuh kepentingan kerjasama berterusan antara Yayasan Selangor dan Kerajaan Negeri dalam merangka inisiatif pendidikan yang mampu memenuhi keperluan semasa serta melahirkan generasi berilmu, berkemahiran dan berdaya saing.

Pertemuan ini mencerminkan komitmen Yayasan Selangor untuk terus menyokong aspirasi Kerajaan Negeri Selangor dalam membangunkan ekosistem pendidikan yang progresif, inklusif dan mampan demi melahirkan modal insan berkualiti sebagai pemacu pembangunan negeri pada masa hadapan.







9. Kunjungan Hormat Ketua Setiausaha Sulit MB Selangor Perkukuh Pelan Gerak Kerja Pendidikan Negeri

Yayasan Selangor menerima kunjungan hormat daripada Ketua Setiausaha Sulit kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Encik Mohd Hidayat Mohd Sauffi, sebagai usaha memperkukuh hubungan strategik serta mempererat kerjasama dalam memperkasakan agenda pembangunan pendidikan di negeri Selangor.

Kunjungan yang berlangsung di Menara Yayasan Selangor itu turut melibatkan sesi pertemuan empat mata bersama Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor, YM Raja Nazirin Shah Raja Mohamad, bagi membincangkan hala tuju organisasi serta pelan gerak kerja Yayasan Selangor sebagai agensi peneraju pendidikan di bawah Kerajaan Negeri Selangor.

Perbincangan memberi tumpuan kepada pelbagai strategi dan inisiatif yang dapat memperkukuh ekosistem pendidikan negeri melalui pelaksanaan program yang mampan, inklusif dan berimpak tinggi, sekali gus memperluaskan manfaat kepada pelajar serta masyarakat di Selangor.

Sesi tersebut turut membuka ruang kepada pertukaran pandangan mengenai usaha memperkasakan pembangunan modal insan, memperluas akses kepada pendidikan berkualiti serta memperkukuh peranan Yayasan Selangor dalam menyokong agenda pendidikan negeri.

Yayasan Selangor merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kunjungan tersebut dan berharap jalinan kerjasama erat bersama Pejabat Dato' Menteri Besar Selangor akan terus diperkukuh demi merealisasikan aspirasi melahirkan generasi yang berilmu, berdaya saing dan mampu menyumbang kepada kemajuan negeri serta negara.









10. Prihatin Pendidikan: Yayasan Selangor Salur Bantuan Kepada Pelajar Terkesan Tragedi Putra Heights

Prihatin terhadap nasib pelajar dan mahasiswa yang terjejas akibat tragedi kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, Yayasan Selangor bersama Kerajaan Negeri Selangor tampilmenghulurkan bantuan pendidikan bagi memastikan proses pembelajaran mereka dapat diteruskan tanpa gangguan.

Sebagai salah satu agensi pelaksana di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor, Yayasan Selangor telah menyertai Majlis Penyerahan Bantuan Pendidikan yang berlangsung di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Masjid Putra Heights. Majlis tersebut disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, bagi menyampaikan bantuan kepada pelajar sekolah dan mahasiswa yang terkesan akibat insiden tersebut.

Bantuan yang disalurkan merangkumi sumbangan wang tunai sebanyak RM500 kepada 265 pelajar sekolah, pemberian E-Baucar Buku Siswa Selangor bernilai RM200 kepada mahasiswa melalui Yayasan Selangor, selain penyediaan tablet dan komputer riba bagi memastikan proses pembelajaran dapat diteruskan tanpa gangguan.

Sebagai tanda solidariti dan keprihatinan terhadap mangsa yang terjejas, Yayasan Selangor turut menyumbang sebanyak RM10,000 kepada Tabung Prihatin Putra Heights sebagai sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) organisasi.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Selangor dan Yayasan Selangor dalam memastikan akses kepada pendidikan berkualiti terus terjamin, di samping membantu meringankan beban keluarga yang terkesan serta memberi peluang kepada anak anak Selangor untuk meneruskan pembelajaran dan mencapai kecemerlangan akademik walaupun berdepan cabaran yang tidak diduga.







11. Yayasan Selangor dan Yayasan Islam Negeri Kedah Perkukuh Kerjasama Pendidikan Negeri

Bagi memperluaskan jaringan kerjasama dan memperkukuh agenda pembangunan pendidikan negara, Yayasan Selangor menerima kunjungan hormat daripada Yayasan Islam Negeri Kedah di Menara Yayasan Selangor sebagai platform untuk bertukar pandangan, berkongsi pengalaman serta meneroka peluang kerjasama yang memberi manfaat kepada pembangunan pelajar.

Pertemuan tersebut membuka ruang kepada kedua-dua institusi untuk meneroka peluang kerjasama dalam pelbagai aspek pembangunan pendidikan, termasuk pengurusan tajaan pelajar, kemudahan asrama, pembangunan sahsiah serta pengukuhan nilai-nilai murni dalam sistem pendidikan.

Delegasi Yayasan Islam Negeri Kedah yang diketuai oleh Encik Abdul Halim Hassan telah disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor, YM Raja Nazirin Shah Raja Mohamad. Sesi perbincangan berlangsung dalam suasana mesra dan produktif dengan penekanan kepada perkongsian pengalaman serta pendekatan terbaik yang boleh dimanfaatkan oleh kedua-dua organisasi.

Yayasan Selangor turut berkongsi pendekatan holistik dalam pengurusan pelajar tajaan, manakala Yayasan Islam Negeri Kedah membentangkan model pendidikan Islam yang memberi penekanan kepada keseimbangan antara kecemerlangan akademik, pembangunan sahsiah dan pembentukan nilai keinsanan.

Kerjasama strategik ini diharap dapat memperkukuh hubungan antara institusi pendidikan negeri, memperluaskan akses kepada pendidikan berkualiti serta menyokong usaha melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak mulia dan berdaya saing, selaras dengan aspirasi pembangunan modal insan negara.









12. Yayasan Selangor Perkukuh Kolaborasi Strategik Bagi Pembangunan Pulau Carey

Satu lagi langkah strategik ke arah pembangunan mampan negeri direalisasikan apabila Yayasan Selangor menjalinkan kerjasama bersama Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB), SD Guthrie Berhad dan IJM Corporation Berhad melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) bagi pembangunan Taman Edu-Teknologi (Edu-Tek Park) dan Hab Sekuriti Makanan di Pulau Carey.

Kerjasama ini merupakan sebahagian daripada usaha menyokong aspirasi Kerajaan Negeri Selangor untuk menjadikan negeri ini lebih pintar, lestari dan berdaya saing melalui pembangunan berasaskan inovasi, teknologi, ekonomi hijau dan sekuriti makanan yang mampan.

Inisiatif tersebut dijangka memperkasa Pulau Carey sebagai pusat pembangunan bersepadu bertaraf antarabangsa yang menggabungkan elemen teknologi, pendidikan, penyelidikan dan agro-logistik, sekali gus mengukuhkan kedudukan Selangor dalam rantaian nilai halal serta sekuriti makanan di peringkat serantau dan global.

Projek ini turut mencerminkan keyakinan sektor swasta terhadap potensi Pulau Carey sebagai hab pertumbuhan ekonomi baharu yang mampu menarik pelaburan strategik serta mewujudkan peluang pembangunan yang memberi manfaat kepada rakyat dan negeri.

Bagi Yayasan Selangor, kerjasama ini membuka ruang kepada penjanaan sumber pendapatan yang lebih mampan bagi memperkukuh agenda pendidikan negeri. Dana yang dijana daripada pembangunan tersebut akan disalurkan kepada pelaksanaan program pendidikan, tajaan pembelajaran serta bantuan kewangan kepada pelajar, khususnya daripada keluarga berpendapatan rendah.

Melalui inisiatif ini, Yayasan Selangor terus komited menyokong pembangunan modal insan yang berkualiti dengan memastikan hasil pembangunan ekonomi dapat diterjemahkan kepada peluang pendidikan yang lebih luas, sekali gus melahirkan generasi Selangor yang berilmu, berdaya saing dan berintegriti untuk masa hadapan.









13. Yayasan Selangor Jalin Kerjasama Strategik Bersama Perhebat Perkasa Latihan Dan Peluang Pekerjaan

Yayasan Selangor terus memperkukuh agenda pembangunan modal insan melalui jalinan kerjasama strategik bersama Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) bagi membuka lebih banyak peluang latihan kemahiran dan pekerjaan kepada golongan belia, khususnya mereka daripada keluarga berpendapatan rendah dan komuniti veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Kerjasama ini memberi tumpuan kepada tiga komponen utama, iaitu latihan kimpalan, penempatan pelajar dan penyediaan peluang pekerjaan yang mampu memberi impak langsung kepada golongan belia bukan akademik, anak-anak daripada keluarga B40 serta komuniti veteran ATM yang ingin meningkatkan kemahiran dan membina masa depan yang lebih mampan melalui pendidikan teknikal dan vokasional (TVET).

Sesi perbincangan mengenai pelan kerjasama tersebut diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor, YM Raja Nazirin Shah Raja Mohamad, dan disambut oleh Pengerusi PERHEBAT, Prof. Emerita Datuk Dr. Roziah Omar, bersama Ketua Pengarah PERHEBAT, Dato' Ts. Amir Md Noor.

Perbincangan turut memberi fokus kepada pembangunan program latihan yang memenuhi keperluan industri semasa, pemindahan ilmu dan kemahiran teknikal serta penyediaan laluan kerjaya yang lebih sistematik bagi memastikan peserta mempunyai peluang pekerjaan yang lebih baik selepas tamat latihan.

Kerjasama strategik ini bukan sahaja menyediakan latihan dan pemindahan ilmu, malah mewujudkan laluan kerjaya yang mampan, selaras dengan visi Yayasan Selangor untuk memperkukuh pembangunan modal insan serta menjadikan Selangor sebagai hab pendidikan dan latihan kemahiran yang berdaya saing demi memenuhi keperluan industri masa hadapan.









14. Retreat Dan Mesyuarat Perhubungan Awam Dan Media 2025

Pengurus Bahagian Komunikasi Korporat Yayasan Selangor, Puan Norhayati Umor, dan wakil pejabat Ketua Pegawai Eksekutif, Puan Norehan Abd Aziz, menyertai Retreat dan Mesyuarat Perhubungan Awam dan Media 2025 anjuran Bahagian Korporat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor di Pulau Pinang. Program ini menghimpunkan pegawai komunikasi dan media kerajaan negeri bagi memperkukuh strategi komunikasi korporat yang lebih responsif, efektif dan bersepadu.

Sesi berkenaan turut menampilkan amanat YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, yang menekankan kepentingan maklum balas pantas terhadap isu media semasa. Beliau turut menggariskan peranan pegawai komunikasi sebagai penganalisis dan pencipta kandungan profesional, beretika serta strategik dalam menyampaikan mesej kerajaan kepada rakyat.









15. Sinma Redland Mall: Projek Naik Taraf Bangunan Yayasan Selangor Hidupkan Aset Strategik Ibu Negara

Yayasan Selangor terus mengorak langkah memperkukuh kedudukan kewangan organisasi melalui pembangunan semula aset strategiknya di pusat bandar Kuala Lumpur yang bakal dijenamakan sebagai Sinma Redland Mall, sekali gus membuka peluang penjanaan pendapatan baharu bagi menyokong agenda pembangunan pendidikan negeri.

Bangunan 12 tingkat milik Yayasan Selangor yang terletak di persimpangan Jalan Bukit Bintang dan Jalan Sultan Ismail kini sedang menjalani proses naik taraf bagi menyediakan ruang komersial yang lebih moden, dinamik dan mesra pengunjung. Projek ini dijangka memberi nafas baharu kepada aset berkenaan serta merancakkan aktiviti ekonomi di kawasan sekitarnya.

Fasa pertama pembangunan yang melibatkan tiga tingkat terawal dijadualkan dibuka pada Disember 2025, manakala keseluruhan projek disasarkan siap sepenuhnya pada awal tahun 2027. Pembangunan ini turut dijangka memberi nilai tambah kepada sektor pelancongan dan perdagangan sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor, YM Raja Nazirin Shah Raja Mohamad, projek pembangunan semula ini bukan sahaja mengoptimumkan nilai aset strategik yayasan di ibu negara, malah berpotensi menjadi sumber pendapatan mampan yang akan dimanfaatkan bagi memperkukuh pelaksanaan program pendidikan dan kebajikan rakyat Selangor.

Seiring dengan pelaksanaan projek tersebut, satu Memorandum Persefahaman (MoU) telah dimeterai antara pemaju projek, Redland USJ Summit Properties Sdn. Bhd. dan S&M Shopping Arcade Sdn. Bhd., sebagai langkah penting dalam merealisasikan pembangunan semula bangunan berkenaan. Inisiatif ini mencerminkan komitmen Yayasan Selangor untuk mengurus aset secara strategik demi memastikan manfaat jangka panjang dapat disalurkan kembali kepada pembangunan pendidikan dan modal insan negeri Selangor.







16. Kunjungan Hormat Universiti Islam Selangor Ke Yayasan Selangor

Usaha memperkukuh pembangunan pendidikan tinggi dan modal insan di negeri Selangor terus diperkasakan apabila Yayasan Selangor dan Universiti Islam Selangor (UIS) mengadakan sesi perbincangan strategik bagi meneroka peluang kerjasama yang mampu memberi manfaat kepada pembangunan generasi muda pada masa hadapan.

Delegasi UIS yang diketuai oleh Naib Canselor, Dato' Prof. Dr. Mohd Farid Ravi Abdullah, telah mengadakan kunjungan hormat ke Yayasan Selangor pada 1 Oktober 2025 dan disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor bersama barisan pengurusan kanan yayasan.

Pertemuan tersebut memberi tumpuan kepada perbincangan mengenai potensi kerjasama strategik dalam pelbagai bidang, khususnya pembangunan pendidikan tinggi serta pelaksanaan inisiatif pembangunan belia secara holistik yang merangkumi aspek pendidikan, keusahawanan dan pembangunan modal insan.

Selain bertukar pandangan mengenai program yang boleh dilaksanakan secara bersama, kedua-dua pihak turut meneroka peluang kerjasama yang mampu memperluaskan akses pendidikan berkualiti serta meningkatkan pembangunan bakat dan kepimpinan generasi muda di Selangor.

Kunjungan ini mencerminkan komitmen Yayasan Selangor dan Universiti Islam Selangor untuk terus memperkukuh hubungan strategik dalam usaha melahirkan generasi yang berilmu, berkemahiran, berintegriti dan berdaya saing, selaras dengan aspirasi pembangunan pendidikan negeri dan negara.









17. Makan Malam 55 Tahun Yayasan Selangor Raikan Kecemerlangan Pendidikan Dan Kebajikan

Sambutan ulang tahun ke-55 Yayasan Selangor menjadi detik bersejarah yang menghimpunkan warga alumni daripada pelbagai generasi dalam sebuah majlis penuh bermakna sebagai simbol penghargaan terhadap legasi pendidikan dan kebajikan yang telah dibina sejak penubuhannya.

Majlis Makan Malam 55 Tahun Yayasan Selangor yang berlangsung pada 13 November 2025 di Asrama Yayasan Selangor Klang (AYSK) telah disempurnakan oleh Pengarah Pendidikan Yayasan Selangor, Encik Muhamad Tassim Zainal. Turut hadir ialah Pengerusi Alumni Yayasan Selangor, Encik Aznam Abdullah, bersama barisan alumni dan tetamu kehormat yang lain.

Lebih 300 alumni daripada pelbagai latar belakang dan generasi hadir memeriahkan majlis tersebut, sekali gus menjadikannya platform untuk mengeratkan silaturahim, menyemai semangat kekitaan serta memperkukuh jaringan profesional dalam kalangan bekas pelajar Yayasan Selangor.

Majlis ini turut membuka ruang kepada perbincangan mengenai potensi kerjasama dan sumbangan alumni dalam menyokong pelbagai inisiatif pendidikan dan kebajikan yang dilaksanakan oleh Yayasan Selangor, sekali gus memperkukuh hubungan berterusan antara yayasan dan komuniti alumninya.


Penganjuran program ini mencerminkan komitmen Yayasan Selangor untuk terus menghargai jasa dan sumbangan alumni sebagai sebahagian daripada ekosistem pendidikan negeri, di samping memastikan legasi kecemerlangan pendidikan yang dibina sejak lebih lima dekad lalu terus diperkasakan demi manfaat generasi akan datang.














Transformasi

DAN PENGURUSAN KUALITI

Bab 4

Memacu Transformasi Organisasi ke Arah Institusi Pendidikan Negeri yang Progresif, Digital dan Berprestasi Tinggi

PENGENALAN

Tahun 2025 merupakan satu titik perubahan yang signifikan dalam landskap pengurusan Yayasan Selangor (YS) apabila pelbagai agenda transformasi organisasi dilaksanakan secara menyeluruh bagi memperkukuh kedudukan yayasan sebagai agensi peneraju pendidikan negeri Selangor. Selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri Selangor untuk memperkasakan pembangunan modal insan dan meningkatkan daya saing pendidikan negeri, Yayasan Selangor telah memulakan langkah reformasi yang bukan sahaja memberi fokus kepada penyampaian program pendidikan, malah turut melibatkan aspek tadbir urus, pengurusan prestasi, pendigitalan sistem, pembangunan modal insan, pengurusan aset dan budaya kerja organisasi.

Transformasi yang dilaksanakan berteraskan prinsip Good Governance, Digitalisation, Productivity, Accountability dan Sustainability, dengan matlamat mewujudkan sebuah organisasi yang lebih tangkas, berintegriti, cekap dan mampu memberi impak yang lebih besar kepada pembangunan pendidikan negeri.

Bagi memastikan agenda transformasi ini dilaksanakan secara sistematik dan berterusan, Yayasan Selangor telah menggerakkan beberapa inisiatif utama sepanjang tahun 2025, antaranya Kajian Transformasi Bahagian Pendidikan, Projek Peningkatan Produktiviti Organisasi (YS Productivity Drive 2025) serta pengukuhan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 sebagai instrumen penting dalam memperkasakan kecemerlangan organisasi.

Program Transformasi Bahagian Pendidikan Yayasan Selangor 2025

Mentransformasikan Ekosistem Pendidikan Negeri

Pelaksanaan Kajian Transformasi Bahagian Pendidikan Yayasan Selangor Fasa 2 yang disempurnakan pada Disember 2025 merupakan antara pencapaian paling penting dalam usaha memperkukuh fungsi Yayasan Selangor sebagai Agensi Peneraju pendidikan negeri Selangor sebagaimana yang digariskan di bawah Belanjawan Selangor 2023.

Kajian ini dibangunkan secara menyeluruh melalui proses libat urus bersama pihak pengurusan, pegawai pelaksana, agensi kerajaan negeri, institusi pendidikan serta pihak berkepentingan bagi memastikan hala tuju baharu Yayasan Selangor lebih relevan dengan cabaran pendidikan masa hadapan.
Pelan Strategik Yayasan Selangor 2025–2030 yang dihasilkan menggunakan kerangka **House of Excellence** menjadi dokumen rujukan utama dalam menggerakkan transformasi organisasi secara menyeluruh.

Transformasi tersebut memberi penekanan kepada pembinaan organisasi yang lebih berorientasikan data, digital, kolaboratif dan berimpak tinggi melalui tujuh teras strategik utama iaitu:



Ketujuh-tujuh teras ini dirangka bagi memastikan Yayasan Selangor mampu berfungsi sebagai institusi pendidikan negeri yang lebih responsif terhadap perubahan landskap pendidikan global, perkembangan teknologi serta keperluan pembangunan bakat masa hadapan.

Sepanjang tahun 2025, beberapa inisiatif awal telah mula dilaksanakan termasuk penambahbaikan struktur pengurusan pendidikan, pengukuhan sistem pemantauan program, penyelarasan semula pengurusan asrama serta pembangunan jaringan strategik bersama institusi pengajian tinggi, industri dan agensi kerajaan.

Pelaksanaan transformasi ini akan diteruskan secara berperingkat sehingga tahun 2030 mengikut keutamaan strategik dan kemampuan organisasi.

Projek Peningkatan Produktiviti YS 2025 (YS Productivity Drive 2025)


Dalam usaha meningkatkan kecekapan organisasi, Yayasan Selangor melancarkan YS Productivity Drive 2025 pada Julai 2025 sebagai salah satu agenda transformasi organisasi yang memberi fokus kepada pembentukan budaya kerja berprestasi tinggi.

Berbeza dengan inisiatif penambahbaikan biasa, projek ini dirangka sebagai pelan transformasi jangka panjang yang bertujuan memperkukuh sistem pengurusan organisasi secara menyeluruh melalui pendekatan yang lebih sistematik, digital dan berasaskan prestasi.

YS Productivity Drive 2025 dibangunkan berteraskan empat komponen utama iaitu:

Polisi Organisasi : Semakan semula dasar dan polisi sedia ada dilaksanakan bagi memastikan setiap polisi lebih jelas, relevan dan selari dengan keperluan semasa organisasi.

Pemantapan Sistem KPI: Kaedah pemantauan prestasi bahagian dan individu diperkukuh melalui sistem penilaian yang lebih objektif, telus dan berasaskan data.



Penambahbaikan SOP : Standard Operating Procedure (SOP) disusun semula bagi menyeragamkan proses kerja, mengurangkan pertindihan fungsi serta meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

Pelaksanaan Balanced Scorecard (BSC) : Kerangka Balanced Scorecard diperkenalkan bagi mengintegrasikan prestasi kewangan, pelanggan, proses dalaman dan pembangunan organisasi dalam satu sistem pemantauan strategik yang komprehensif.

Pelaksanaan projek ini disokong sepenuhnya oleh semua Ketua Bahagian yang telah memberikan komitmen melalui akujanji pelaksanaan kepada Bahagian Pengurusan Projek selaku urusetia.

Sebagai organisasi yang mengamalkan prinsip Low Cost, High Impact, Yayasan Selangor memanfaatkan platform Microsoft Planner melalui Microsoft Teams bagi tujuan pemantauan projek dan KPI secara masa nyata.

Pendekatan digital ini meningkatkan tahap ketelusan pelaksanaan projek, memperkukuh disiplin pelaporan, memudahkan pemantauan status tugasan dan mempercepatkan proses membuat keputusan pengurusan.

Walaupun impak keseluruhan inisiatif ini dijangka dapat dinilai dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang, asas transformasi yang dibina pada tahun 2025 dijangka menjadi pemangkin kepada peningkatan produktiviti organisasi secara mampan.

Sistem Pengurusan Kualiti Ms ISO 9001:2015

Memperkukuh Budaya Kualiti dan Tadbir Urus Organisasi

Sejak memperoleh pensijilan ISO pada tahun 2000, Yayasan Selangor terus mengekalkan komitmen tinggi terhadap amalan pengurusan berkualiti melalui pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK).

Bermula tahun 2020, Yayasan Selangor beralih kepada standard MS ISO 9001:2015, yang memberi penekanan kepada pengurusan risiko, kepimpinan organisasi, penambahbaikan berterusan serta kepuasan pelanggan.

Sepanjang tahun 2025, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi memastikan sistem ini terus diperkasa dan menjadi budaya kerja dalam organisasi.

Kemuncak kepada usaha tersebut ialah pelaksanaan Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 4 hingga 5 Disember 2025 yang diketuai oleh Dr. Roslina Bt. Sailan.

Audit tersebut merekodkan satu pencapaian yang membanggakan apabila Yayasan Selangor tidak menerima sebarang Laporan Ketidakakuran (Non-Conformance Report - NCR) dan hanya menerima beberapa Cadangan Penambahbaikan (Opportunity for Improvement - OFI).

Pencapaian ini membolehkan pensijilan MS ISO 9001:2015 dikekalkan sehingga 6 Disember 2028, sekali gus membuktikan keberkesanan sistem tadbir urus, pengurusan risiko dan budaya penambahbaikan berterusan yang diamalkan di seluruh organisasi.

Sebagai persediaan menghadapi audit tersebut, Urusetia Sistem Pengurusan Kualiti turut menganjurkan Program Peningkatan Kompetensi Auditor Dalaman bersama AJA EQS Certification (M) Sdn. Bhd. pada 13 hingga 14 Ogos 2025.

Program ini bertujuan meningkatkan kompetensi auditor dalaman dalam memahami keperluan standard ISO, memperkukuh kemahiran audit serta memastikan setiap bahagian melaksanakan tindakan penambahbaikan secara konsisten.

Selain itu, Bahagian Pengurusan Projek (PMO) turut diberikan mandat sebagai peneraju Jawatankuasa Sistem Pengurusan Kualiti bagi memastikan pelaksanaan SPK diselaraskan dengan agenda transformasi organisasi serta budaya kecemerlangan yang ingin dibentuk.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, tahun 2025 merupakan tahun yang amat signifikan dalam sejarah transformasi Yayasan Selangor apabila pelbagai pembaharuan berjaya dilaksanakan bagi memperkukuh sistem pengurusan organisasi, meningkatkan produktiviti, memperkasakan tadbir urus serta memperkukuh budaya kualiti di semua peringkat.

Pelaksanaan Kajian Transformasi Bahagian Pendidikan, YS Productivity Drive 2025 serta kejayaan mengekalkan pensijilan MS ISO 9001:2015 membuktikan komitmen Yayasan Selangor dalam membentuk organisasi yang lebih progresif, berdaya saing dan berorientasikan prestasi.

Transformasi ini bukan sekadar melibatkan penambahbaikan proses kerja, tetapi merupakan perubahan budaya organisasi yang menekankan inovasi, integriti, akauntabiliti dan kecemerlangan perkhidmatan sebagai asas kepada pembangunan pendidikan negeri.

Dengan pelaksanaan Pelan Strategik Yayasan Selangor 2025–2030 secara berterusan, Yayasan Selangor diyakini akan terus memainkan peranan sebagai institusi pendidikan negeri yang unggul, mampan dan relevan dalam melahirkan generasi Selangor yang berilmu, berkemahiran, berdaya saing dan mampu menyumbang kepada pembangunan negeri serta negara pada masa hadapan.

Liputan

MEDIA

Bab 5

SENARAI KENYATAAN / SIARAN / MAKLUM BALAS YANG DIKELUARKAN OLEH BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

BIL.	TARIKH	PERKARA
1	17 Februari 2025	423 Murid Tingkatan 1 Terima Tawaran Ke Program Rancangan Khas Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia - Yayasan Selangor Tahun 2025 / 2026
2	3 Mac 2025	Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor Baharu
3	27 Mac 2025	Program Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR): Yayasan Selangor Komited Menyantuni Keluarga Berpendapatan Rendah Dan Asnaf
4	29 April 2025	Yayasan Selangor Perkukuh Komitmen Pendidikan, 423 Pelajar Terima Biasiswa Lebih RM 2 Juta
5	9 Julai 2025	Siaran Akhbar Majlis Pertukaran Dokumen Memorandum Persefahaman (Mou) Di Antara Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) Dengan Yayasan Selangor & Sd Guthrie Berhad & Ijm Corporation Berhad
6	11 Julai 2025	#KITA SELANGOR, KITO STEADY! Yayasan Selangor Perkukuh Jalinan Antara Negeri Melalui PESAYA XV 2025
7	17 Sept 2025	PKNS, Yayasan Selangor teroka kerjasama strategik pembangunan baharu di Pulau Carey
8	25 Oktober 2025	2,000 Pelajar Sertai Seminar Skor A+ #Anakselangor Perkasa Prestasi SPM di Selangor

SENARAI LAPORAN MEDIA YANG DIKELUARKAN MENGENAI YAYASAN SELANGOR SEPANJANG TAHUN 2025

BIL.	TARIKH	LIPUTAN
1.	3 Januari 2025	Selangorkini (Online) Tajuk:- "Yayasan Selangor: Tarikh tutup tawaran pinjaman pelajaran dilanjut hingga 8 Januari"
2.	8 Januari 2025	Selangorkini (Online) Tajuk:- "Yayasan Selangor tawar pinjaman kepada bekas pelajar, permohonan berakhir hari ini"
3.	17 Februari 2025	Malaysia Gazette (Online) Tajuk:- "423 murid Tingkatan 1 dari Selangor ikuti program RKPYS"
4.	17 Februari 2025	Selangorkini (Online) Tajuk:- "Seramai 423 pelajar tingkatan satu terpilih program Yayasan Selangor, terima biasiswa"
5.	17 Februari 2025	Selangorkini Facebook (Online) Tajuk:- "Semua pelajar itu ditempatkan di 27 sekolah tajaan antaranya Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jalan Tiga Bangi, SMK Aminuddin Baki Kuala Lumpur (KL) dan Victoria Institution Kuala Lumpur - Yayasan Selangor (YS)"
6.	18 Februari 2025	PinSelangor Facebook (Online) Tajuk:- "Seramai 423 pelajar tingkatan satu dipilih menyertai program Rancangan Khas Pendidikan KPM–Yayasan Selangor (RKPYS) bagi sesi 2025/2026 dan ditempatkan di 27 sekolah tajaan seperti SMK Jalan Tiga Bangi, SMK Aminuddin Baki KL, dan Victoria Institution KL."
7.	Edisi 20 – 26 Februari 2025 (m/s 20)	Selangorkini (Sisipan Akhbar) – Tajuk:- "423 ikuti program rancangan khas"
8.	3 Mac 2025	Berita Harian (Online) Tajuk:- "Raja Nazirin Shah dilantik CEO baharu Yayasan Selangor
9.	3 Mac 2025	Bernama - English (Online) Tajuk:- "Yayasan Selangor Appoints Raja Nazirin Shah As New CEO"
10.	3 Mac 2025	Bernama (Online) Tajuk:- "Raja Nazirin Shah Dilantik KPE Yayasan Selangor Berkuat Kuasa Hari Ini"

BIL.	TARIKH	LIPUTAN
11.	3 Mac 2025	MBI Selangor Instagram (Online) Tajuk:- "Sekalung tahniah diucapkan kepada YM Raja Nazirin Shah Raja Mohamad atas pelantikan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor yang baharu. Selamat melaksanakan tugas dengan amanah dan berintegriti."
12.	3 Mac 2025	Selangorkini (Online) Tajuk:- "Raja Nazirin Shah dilantik ketua pegawai eksekutif Yayasan Selangor"
13.	3 Mac 2025	Sinar Harian (Online) Tajuk:- "Raja Nazirin dilantik CEO baharu Yayasan Selangor"
14.	3 Mac 2025	The Sun (Online) Tajuk:- "Yayasan Selangor Appoints Raja Nazirin Shah As New CEO"
15.	4 Mac 2025 (Selasa) (m/s 27)	Sinar Harian (Sisipan Akhbar) – Tajuk:- "Raja Nazirin dilantik CEO baharu Yayasan Selangor"
16.	4 Mac 2025	MPAJ Instagram (Online) Tajuk:- "Sekalung tahniah kepada YM Raja Nazirin Shah bin Raja Mohamad atas pelantikan sebagai Ketua Eksekutif Yayasan Selangor yang baharu berkuat kuasa 3 Mac 2025. Ikhlas daripada Dr. Ani binti Ahmad Yang Dipertua MPAJ serta Ahli Majlis, Pengurusan Tertinggi dan Warga Kerja MPAJ."
17.	Edisi 6 – 12 Mac 2025 (m/s 20)	Selangorkini (Sisipan Akhbar) Tajuk:- "Raja Nazirin terajui YS"
18.	9 Mac 2025	Media Selangor Instagram (Online) Tajuk:- "Seramai 13 pelajar dalam kalangan keluarga kurang berkemampuan di Selangor menerima tajaan persekolahan di Kolej Yayasan Saad, Melaka (KYSM) sejak 2022. Ketua Bahagian Pendidikan Yayasan Selangor Zaini Sulaiman berkata tajaan program Bitara itu merangkumi yuran pengajian, asrama dan makanan sepanjang tempoh dua tahun."
19.	Edisi 13 – 19 Mac 2025 (m/s 6)	Selangorkini (Sisipan Akhbar) Tajuk:- "Taja yuran pengajian, asrama pelajar"

BIL.	TARIKH	LIPUTAN
20.	28 Mac 2025	Sinar Harian (Online) Tajuk:- "Yayasan Selangor terus santuni kumpulan sasar menjelang Aidilfitri"
21.	29 April 2025	Selangorkini (Online) Tajuk:- "Yayasan Selangor: Perkasa pendidikan anak negeri, 423 pelajar terima biasiswa lebih RM2 juta"
22.	29 April 2025	Bernama - English (Online) Tajuk:- "Yayasan Selangor Offers Scholarships Worth Over RM2 Mln To 423 Students"
23.	29 April 2025	Bernama (Online) Tajuk:- "Yayasan Selangor Tawar Biasiswa Lebih RM2 Juta Kepada 423 Pelajar"
24.	29 April 2025	Sinar Harian (Online) Tajuk:- "Yayasan Selangor salur biasiswa pendidikan lebih RM2 juta"
25	9 Jun 2025	Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Gombak (Facebook) (Online) Tajuk - PROGRAM QURBAN PERDANA STRATA BERSAMA KOMUNITI RESIDENSI BERSAMA
26.	08 Julai 2025	TheEdge (Online) Tajuk:- "PNSB, SD Guthrie, IJM Corp and Yayasan Selangor team up on edu-tech park, food security hub on Carey Island"
27.	08 Julai 2025	The Star - English (Online) Tajuk:- "PNSB, SD Guthrie, IJM and Yayasan Selangor to initiate food security and edu-tech hub"
28.	08 Julai 2025	Selangor Journal (Online Tajuk:- "PNSB, SD Guthrie, IJM and Yayasan Selangor to initiate food security and edu-tech hub"
29.	08 Julai 2025	NST (Online) – Tajuk:- "PNSB inks MoUs with three partners to develop edu-tech park, food security hub on Carey Island"
30	08 Julai 2025	Bernama (Online) Tajuk - Permodalan Negeri Selangor bangun taman edu-tek, hab sekuriti makanan di Pulau Carey

BIL.	TARIKH	LIPUTAN
31	08 Julai 2025	Berita Harian (Online Tajuk Permodalan Negeri Selangor bangun taman edu-tek, hab sekuriti makanan di Pulau Carey
32.	08 Julai 2025	Berita RTM (Online) Tajuk:- "Pulau Carey bakal jadi hab Edu-Tek, sekuriti makanan Selangor"
33.	08 Julai 2025	Buletin TV3 - (Online) Tajuk:- Pulau Carey bakal jadi nadi ekonomi global"
34.	08 Julai 2025	Business Today (Online) Tajuk:- "Selangor Aims To Transform Carey Island As Food Security Hub, Tech-Park"
35.	08 Julai 2025	Selangor Kini (Online) Tajuk:- "Pulau Carey bakal jadi hab sekuriti makanan, taman berteras AI"
36.	17 Sep 2025	THE EDGE MALAYSIA (Online) Tajuk:- "Selangor identifies 1,699 hectares of land for third port on Carey Island"
37.	17 Sept 2025	Malaysia Kini (Online) Tajuk:- S'gor kenal pasti 1,699 hektar tanah bina pelabuhan ketiga"
38.	17 Sept 2025	Scoop (Online) Tajuk:- "Selangor kenalpasti 1,699 hektar tanah untuk pembangunan pelabuhan ketiga di Pulau Carey"
39.	17 Sept 2025	The Sun (Online) Tajuk:- "Selangor kenal pasti 1,699 hektar tanah untuk pembangunan pelabuhan ketiga"
40.	17 Sept 2025	Newswav (Online) Tajuk:- "MB: Kawasan seluas 4,200 ekar di Pulau Carey dimajukan sebagai pelabuhan"
41.	17 Sept 2025	Free Malaysia Today (Online) Tajuk:- "Selangor kenal pasti 1,699 hektar tanah untuk pelabuhan ketiga"
42.	17 Sept 2025	Selangorkini (Online) Tajuk:- "MB: Kawasan seluas 4,200 ekar di Pulau Carey dimajukan sebagai pelabuhan"

BIL.	TARIKH	LIPUTAN
43	17 Sept 2025	The Sun (Online) Tajuk:- "Selangor kenal pasti 1,699 hektar tanah untuk pembangunan pelabuhan ketiga"
44	17 Sept 2025	BERNAMA (Online) Tajuk:- "Selangor kenal pasti 1,699 hektar tanah untuk pembangunan pelabuhan ketiga"
45	17 Sept 2025	NST (Online) Tajuk:- "Selangor identifies 1,699 hectares of land for third port in Carey Island"
46	17 Sept 2025	Sinar Harian (Online) Tajuk:- "Selangor kenal pasti 1,699 hektar tanah untuk pembangunan pelabuhan ketiga"
47	17 Sept 2025	Business Today (Online) Tajuk:- "4,200 Acres Set Aside For Carey Island Port Development"
48	16 Oktober 2025	The Star (Online) Tajuk:- "New plans for S'gor asset in KL"
49	16 Oktober 2025	STAR METRO (Akhbar Tajuk:- "New plans for S'gor asset in KL"
50	25 Oktober 2025	MediaSelangor (Online) Tajuk:- "Anak Selangor bakal nikmati kemudahan khas di tiga IPT negeri"
51	25 Oktober 2025	MediaSelangor (Online) Tajuk:- "Yayasan Selangor perkasa calon SPM, sasar GPN 4.52 tahun ini"
52	11 Disember 2025	Selangor kini (Akhbar) Tajuk:- "Kelahiran sultan Selangor"

BERNAMA

Malay

taip untuk carian

Selangor Kenal Pasti 1,699 Hektar Tanah Untuk Pembangunan Pelabuhan Ketiga

17/09/2025 07:15 PM



Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Datuk Mahmud Abbas (kiri), bersalaman dengan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor, Raja Nazirin Shah Raja Mohamad (kanan), pada Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman antara kedua-dua pihak di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, hari ini. Majlis itu turut disaksikan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, dan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin (dua, kiri).

BUSINESSTODAY

NEWS

4,200 Acres Set Aside For Carey Island Port Development

By Editor September 17, 2025



The state government has identified 1,699.68 hectares (4,200 acres) of land to be developed as a third port on Pulau Carey in Kuala Langat.

Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari

BM EN 中文 தமிழ் LiveTV

MB: Kawasan seluas 4,200 ekar di Pulau Carey dimajukan sebagai pelabuhan

Fitri Hazim Hazam 17 Sep 2025, 8:36 PM



SHAH ALAM, 17 SEPT: Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menjalin kerjasama strategik dengan Yayasan Selangor untuk membangunkan Pulau Carey yang mampan dan berdaya saing bagi tujuan pembangunan pelabuhan ketiga.

malaysiakini

terkini untuk anda



BERITA

S'gor kenal pasti 1,699 hektar tanah bina pelabuhan ketiga

Diterbitkan: Sep 17, 2025 7:05 PM • Dikemaskini: 7:05 PM

ADS

Kerajaan Selangor telah mengenal pasti 1,699.68 hektar (4,200 ekar) tanah untuk dibangunkan sebagai pelabuhan ketiga di Pulau Carey, Kuala Langat.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari berkata ia meliputi 1,011.71 hektar (2,500

Sinar Harian

Selangor kenal pasti 1,699 hektar tanah untuk pembangunan pelabuhan ketiga



Mahmud (kiri) bersalaman dengan Raja Nazirin Shah pada Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman antara kedua-dua pihak di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada Rabu. Foto Bernama

BULETINNS

NASIONAL

Pulau Carey bakal jadi nadi ekonomi global

08 Julai 2025, 7:54pm



Oleh: Fatin Hanani Sahimi

SHAH ALAM: Pulau Carey bakal menjadi hab strategik pembangunan masa depan menerusi penubuhan Taman Edu-Tek dan Hab Sekuriti Makanan.




theSun
Home › Berita › Tempatan
Selangor kenal pasti 1,699 hektar tanah untuk pembangunan pelabuhan ketiga
admin
Wednesday, 17 Sep 2025, 2:00 pm


LATEST HEADLINES
JUST IN
Asbestos ban under review
FMT
Selangor kenal pasti 1,699 hektar tanah untuk pelabuhan ketiga
3 MONTHS AGO
Bernama
Share
Menteri Besar Amirudin Shari berkata pihaknya akan memuktamadkan jumlah kawasan dengan jangkaan sebulan sebelum dikemuka kepada Kementerian Pengangkutan.
Menteri Besar Amirudin Shari menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara PKNS


BERNAMA
Malay
taip untuk carian
Yayasan Selangor Tawar Biasiswa Lebih RM2 Juta Kepada 423 Pelajar
29/04/2025 09:21 PM
YAYASAN SELANGOR
Sila emel ke digitalsales@bernama.com untuk berita penuh.


BERNAMA
English
type to start searching
Yayasan Selangor Offers Scholarships Worth Over RM2 Mln To 423 Students
29/04/2025 07:42 PM
Yayasan Selangor fb
SHAH ALAM, April 29 (Bernama) -- Yayasan Selangor is strengthening its commitment towards enhancing the education of children in the state by offering scholarships to 423 students, with a total sponsorship amount of RM2.015 million.



BM EN 中文 தமிழ்
LiveTV
AGENSI
Yayasan Selangor: Perkasa pendidikan anak negeri, 423 pelajar terima biasiswa lebih RM2 juta
Khairul Azran Hussin
29 Apr 2025, 8:37 PM
SHAH ALAM, 29 APRIL: Yayasan Selangor memperkukuh komitmen memperkasakan pendidikan anak-anak negeri ini dengan


BH ONLINE
Permodalan Negeri Selangor bangun taman edu-tek, hab sekuriti makanan di Pulau Carey
BERNAMA
July 8, 2025 @ 10:08pm
ORANDUM PERSEFAHAMAN
Di antara
dengan
Amirudin (kanan) menerima cenderahati daripada Ketua Pegawai Eksekutif PNSB, Raja Ahmad Shahrir Raja Salim pada Majlis Pertukaran Dokumen MoU di Shah Alam, hari ini - Foto BERNAMA


BERNAMA
Malay
taip untuk carian
PNSB, Tiga Rakan Strategik Bangunkan Taman Edu-Tek, Hab Sekuriti Makanan Di Pulau Carey
08/07/2025 08:45 PM
Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari (duduk, tengah) selepas Majlis Pertukaran Dokumen Memorandum Persefahaman diantara Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) dengan Yayasan Selangor, SD Guthrie Berhad dan IJM Corporation Berhad di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
SHAH ALAM, 8 Julai (Bernama) -- Permodalan Negeri Selangor Bhd (PNSB) hari ini



BUSINESSTODAY
NEWS
Selangor Aims To Transform Carey Island As Food Security Hub, Tech-Park
By Editor July 8, 2025
Selangor aims to transform the sleepy Carey Island into a food security hub and edu-technology park. This comes after state-owned Permodalan Negeri Selangor Bhd signed memoranda of understanding with


Malay
taip untuk carian
PNSB, Tiga Rakan Strategik Bangunkan Taman Edu-Tek, Hab Sekuriti Makanan Di Pulau Carey
08/07/2025 08:45 PM
Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari (duduk, tengah) selepas Majlis Pertukaran Dokumen Memorandum Persefahaman diantara Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) dengan Yayasan Selangor, SD Guthrie Berhad dan IJM Corporation Berhad di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
SHAH ALAM, 8 Julai (Bernama) -- Permodalan Negeri Selangor Bhd (PNSB) hari ini


BUSINESSTODAY
Selangor Aims To Transform Carey Island As Food Security Hub, Tech-Park
By Editor July 8, 2025
Selangor aims to transform the sleepy Carey Island into a food security hub and edu-technology park. This comes after state-owned Permodalan Negeri Selangor Bhd signed memoranda of understanding with


Top stories : | Soon Huat-Shevon oust SEA Games champs to r
NEW STRAITS TIMES
Trending : Heard the News? Help University Khairy Jam
PNSB inks MoUs with three partners to develop edu-tech park, food security hub on Carey Island
By Bernama
July 8, 2025 @ 8:41pm
PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD
Permodalan Negeri Selangor Bhd (PNSB) today signed memoranda of understanding (MOUs) with three strategic partners, comprising SD Guthrie Bhd, IJM Corporation Bhd and Yayasan Selangor, to develop an edu-technology park and a food security hub on Carey Island, Kuala Langat. - Bernama pic
Get breaking news fast — follow us on WhatsApp and


BERITA
LIVE
Cari..
Pulau Carey bakal jadi hab Edu-Tek, sekuriti makanan Selangor
8/07/2025 | 6:43 PM
EKONOMI
Majlis pertukaran dokumen kerjasama turut disaksikan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.
SHAH ALAM, 8 Julai – Pulau Carey di Selan
bakal berperanan sebagai hab strategik
pembangunan masa depan menerusi


BM EN 中文 தமிழ்
LiveTV
BERITA UTAMA
Pulau Carey bakal jadi hab sekuriti makanan, taman berteras AI
Norzilawati Sidek 8 Jul 2025, 10:02 PM
SD Guthrie
Oleh Dewi Abdul Rahman
SHAH ALAM, 8 JULAI: Pulau Carey bakal muncul sebagai lokasi strategik baharu menerusi pembangunan Taman Edu-Tek dan Hab Sekuriti Makanan, hasil pemeteraian tiga memorandum persefahaman (MoU) di antara Permodalan


The Star 30 YEARS
Log In
PNSB, SD Guthrie, IJM and Yayasan Selangor to initiate food security and edu-tech hub
CORPORATE NEWS
Tuesday, 08 Jul 2025 8:05 PM MYT
Home
For You
Bookmark
Audio
Search


SELANGOR
6 JANUARI 2025
Yayasan Selangor: Tarikh tutup tawaran pinjaman pelajaran dilanjut hingga 8 Januari
MediaSelangor | SelangorTV
@mediaselangor
MEDIA SELANGOR


SELANGOR
25 OKTOBER 2025
ANAK SELANGOR BAKAL NIKMATI KEMUDAHAN KHAS DI TIGA IPT NEGERI
mediaselangor.com
@mediaselangor


KLIK Semasa
26 OKTOBER 2025
YAYASAN SELANGOR PERKASA CALON SPM
mediaselangor.com


MALAYSIA MADANI
PINS
"HalalVibe Fest bakal jelajah sembilan daerah dengan sasaran RM3 juta transaksi dan 30,000 pengunjung."
MUHAMMAD KHUSHAIRI MAT LASAR
CEO Halal International Selangor
@pinsselangor
Media Selangor
30 November 2025


ANNUAL REPORT


YAYASAN SELANGOR

55
1970 - 2025

2025

EXCELLENCE IN EDUCATION : EMPOWERING PEOPLE. REALISING VISIONS





General

INFORMATION

COMPANY INFORMATION

COMPANY ACT

Yayasan Selangor was incorporated under the Companies Act 1965 as a (Company Limited By Guarantee) on 5 November 1970.

AUDITOR

Z. AMIN CHARTERED ACCOUNTANTS
No. 06-15
Kenwington Square Garden
Persiaran Bestari, Cyber 9
63000 Cyberjaya

REGISTERED BANK

CIMB Bank Berhad
Malayan Banking Berhad
Ambank Berhad

REGISTERED OFFICE

YAYASAN SELANGOR
Level 18th, Menara Yayasan Selangor
No. 18A, Jalan Persiaran Barat
46000 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

CONTACT US:

Tel: +603 7669 1100
Fax: +603 7954 1790
E-mail: info@yselangor.com
Portal: www.yayasanselangor.og.my

Like, Share, Subscribe & Follow Media sosial Yayasan Selangor
https://linktr.ee/yayasanselangor

Yayasan Selangor Yayasanselangorofficial yselangorportal YS TikTok

Chairman's Message

CHIEF MINISTER OF SELANGOR AND CHAIRMAN OF YAYASAN SELANGOR



Alhamdulillah, all praise and utmost gratitude are due to Allah SWT for His countless blessings and grace. By His will, the State of Selangor Darul Ehsan continues to enjoy peace, stability, and prosperity while remaining steadfast in its commitment to the well-being of its people. The harmony, stability, and progress we enjoy today are the result of continuous collaboration and the unwavering dedication of various stakeholders in advancing the state's sustainable development for the benefit of the people of Selangor.

For decades, Selangor has been recognised as one of Malaysia's leading states in educational development. The state's remarkable progress is reflected not only in its economic strength and modern infrastructure, but also in its unwavering commitment to nurturing knowledgeable, highly skilled, and competitive human capital.

